

**SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
(SUHAKAM)**

**LAPORAN ADUAN DAN SIASATAN
HAK MASYARAKAT ASLI SARAWAK**

JUN 2002



TINGKAT 29, MENARA TUN RAZAK, JALAN RAJA LAUT
50350 KUALA LUMPUR, MALAYSIA
603-2612 5600 (T)
603-2612 5620 (F)
humanrights@suhakam.org.my (E)

SUHAKAM
LAPORAN ADUAN DAN SIASATAN
HAK MASYARAKAT ASLI SARAWAK

KANDUNGAN

BAB 1

PENGENALAN

Muka Surat

1.	Sarawak	1
2.	Masyarakat asli negeri Sarawak	1
3.	Memorandum dan aduan kepada SUHAKAM	2
4.	Tindakan SUHAKAM	4
5.	Matlamat laporan	6
6.	Penghargaan	7

BAB 2

ISU PENDUDUK DI PENEMPATAN SEMULA SUNGAI ASAP, BELAGA

1.	Ketidakpuashatian mengenai pampasan	8
2.	Harga rumah dan mutu kemas	11
3.	Kemudahan asas yang kurang sempurna	12
4.	Kesukaran menampung hidup	14
5.	Kemudahan keselamatan yang kurang sempurna	17

BAB 3

ISU PENDUDUK DI HULU SUNGAI BALUI DAN KAWASAN PERSEKITARANNYA

- | | | |
|----|--|----|
| 1. | Baki pampasan yang tertunggak | 19 |
| 2. | Keengganan segelintir penduduk untuk berpindah | 20 |
| 3. | Kemudahan asas dan awam yang kurang sempurna | 22 |

BAB 4

ISU KAUM PENAN

- | | | |
|----|---|----|
| 1. | Hak kaum Penan ke atas tanah adat serta sumber asli hutan | 26 |
| 2. | Kemudahan asas yang kurang sempurna | 28 |
| 3. | Penternakan dan pertanian yang kurang maju | 30 |
| 4. | Pendaftaran kelahiran dan hak mengundi | 31 |

BAB 5

ISU KAUM IBAN

- | | | |
|----|---|----|
| 1. | Hak kaum Iban ke atas tanah adat dan adat berjalai | 32 |
| 2. | Keadaan Encik Jalen @ Jalan ak Atom di Penjara Miri | 34 |
| 3. | Pampasan yang terlalu rendah atau tertunggak | 35 |

BAB 6
ISU PENDUDUK DI HILIR EMPANGAN HIDROELEKTRIK BAKUN

1.	Kebimbangan terhadap paras air hilir Sungai Balui dan implikasi terhadap mata pencarian hidup	37
2.	Implikasi kerosakan empangan hidroelektrik Bakun	37
3.	Pampasan untuk tanaman	37

BAB 7
RUMUSAN

1.	Pengenalan	39
2.	Hak asasi masyarakat asli	39
3.	Syor-syor SUHAKAM	42
4.	Kesimpulan	48

LAMPIRAN

1.	Kronologi Lawatan Rombongan SUHAKAM	50
2.	Senarai Peserta Yang Hadir Semasa Majlis Dialog Bersama SUHAKAM pada 13 Disember 2001	62
3.	<i>Native Customary Laws and Native Rights Over Land in Sarawak - Presentation to Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) by State Attorney General's Chambers, Sarawak on 13 December 2001</i>	65
4.	Ringkasan Perbincangan Di Antara SUHAKAM Dan Y.A.B. Ketua Menteri Sarawak	86
5.	<i>International Labour Organisation Convention Concerning Indigenous and Tribal People in Independent Countries (No. 169)</i>	90
6.	<i>Draft United Nations Declaration on the Rights of Indigenous People</i>	103
7.	<i>Chapter 26, Agenda 21, Recognising and Strengthening The Role of Indigenous People and Their Communities Programme Area, Report of the United Nations Conference on Environment and Development, Rio de Janeiro, 3 – 14 June 1992</i>	116
8.	<i>The World Bank Operational Manual (September 1991) Operational Directive OD 4.20</i>	121

BAB 1

PENGENALAN

1. Sarawak

SARAWAK¹ yang terletak di utara ekuator di antara latitud 0° 50' dan 5° U dan longitud 109° 36' dan 115° 40' T terbentang sepanjang 800 km di pinggir barat laut Pulau Borneo. Sarawak yang dipisahkan sejauh 600km dari Semenanjung Malaysia oleh Laut China Selatan di sebelah barat terletak bersebelahan dengan negeri Sabah di sebelah timur laut. Dari segi ukuran, Sarawak merupakan negeri terbesar di Malaysia dengan keluasan 124,449 km persegi. Ini meliputi hampir 37.5% keluasan Malaysia. Negeri Sarawak dibahagikan kepada 11 buah bahagian pentadbiran, iaitu, Kuching, Sri Aman, Sibu, Miri, Limbang, Sarikei, Kapit, Samarahan, Bintulu, Betong dan Mukah. Setiap bahagian diwakili oleh seorang residen.

2. Masyarakat asli negeri Sarawak

Menurut Seksyen 3 *Sarawak Interpretation Ordinance (Cap. 1 1958 Ed.)*, masyarakat asli (*native*) di Sarawak ditafsirkan sebagai:-

“a citizen of Malaysia of any race which is now considered to be indigenous to Sarawak as set out in the Schedule;”

Jadual kepada *Interpretation Ordinance* tersebut menyatakan bahawa kaum-kaum berikut serta sebarang campuran di antara satu sama lain (*“any admixture of them with one another”*) merupakan masyarakat asli: Bukitan, Bisayah, Dusun, Dayak (Laut), Dayak (Darat), Kadayan, Kalabit, Kayan, Kenyah (termasuk Sabup dan Sipeng), Kajang (termasuk Sekapan, Kejaman, Lahanan, Punan, Tanjong, Kanowit), Lugat, Lisum, Melayu, Melanau, Murut, Penan, Sian, Tagal, Tabun dan Ukit.

Selain itu, walaupun istilah “Iban” serta “Bidayuh” tidak termasuk dalam tafsiran “masyarakat asli” di bawah *Sarawak Interpretation Ordinance*, “Bidayuh” dan “Iban” juga merupakan masyarakat asli Sarawak berdasarkan Perkara 2 *Adat Bidayuh Order 1994* yang menyatakan:-

¹ Sumber: http://www.sarawak.gov.my/sarawak_online/general/gen_info.html

“For the purpose of this Order , the term “Bidayuh” means the native of Sarawak referred to as Land Dayak in the Schedule to the Interpretation Ordinance”

dan Seksyen 1, Jadual Kedua *Adat Iban Order 1993* yang menyatakan:

“Iban” means Dayak (Sea) as defined in the Interpretation Ordinance, Cap. 1, Vol. I of the Laws of Sarawak, 1958”.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (**SUHAKAM**) sedar bahawa terdapatnya perbezaan pendapat tentang tafsiran “masyarakat asli” di Sarawak. Namun demikian untuk tujuan laporan ini, tafsiran “masyarakat asli Sarawak” adalah menurut tafsiran di bawah *Sarawak Interpretation Ordinance, Adat Bidayuh Order 1994* dan *Adat Iban Order 1993*.

3. Memorandum dan aduan kepada SUHAKAM

Sehingga Oktober 2001, SUHAKAM telah menerima 4 memorandum serta aduan mengenai pelanggaran hak asasi masyarakat asli Sarawak.

Senarai memorandum adalah seperti berikut:-

(a) Memorandum Tuai Rumah Ketip Anak Impang (bertarikh 22.8.2000)

Memorandum daripada Tuai Rumah Ketip Anak Impang yang mewakili penduduk di sembilan rumah panjang Iban di Sungai Basai, Balingian, Daerah Mukah, Bahagian Sibuan. Memorandum tersebut menyatakan bahawa Syarikat Novelpac Puncakdana Plantation Sdn. Bhd. telah mengugut untuk menggunakan kekerasan terhadap masyarakat Iban bagi menghalang mereka dari memasuki ke dalam Lot 11 Buloh Land District. Masyarakat Iban mendakwa bahawa Lot 11 Buloh Land District adalah tanah adat *Native Customary Rights (NCR)* mereka. Keputusan sama ada syarikat tersebut mempunyai hak sepenuhnya untuk bekerja di lot tersebut belum diputuskan secara muktamad oleh Mahkamah.

(b) Memorandum Tuai Rumah Rayong Anak Lapik (bertarikh 29.11.2000)

Memorandum daripada Tuai Rumah Rayong Anak Lapik adalah mewakili

masyarakat rumah panjang Iban di Sungai Bong, Sungai Apun, Sungai Pelajau, Sungai Buti dan Sungai Tirus, Tinjar, Baram. Isu yang dibangkitkan di dalam memorandum tersebut adalah berhubungan dengan pencerobohan tanah NCR mereka berikutan aktiviti pembalakan yang dijalankan oleh Syarikat Chung Chin Enterprise di dalam kawasan NCR masyarakat Iban. Aktiviti pembalakan tersebut dikatakan turut menyebabkan pencemaran dan kemusnahan alam sekitar.

(c) Memorandum Ronald Bete Lahang (bertarikh 3.7.2001)

Memorandum daripada Ronald Bete Lahang mewakili penduduk dari hilir Sungai Balui, Belaga yang melahirkan kebimbangan berikutan pembinaan Empangan Hidroelektrik Bakun. Isu-isu yang dibangkitkan dalam memorandum tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) keselamatan empangan dan penduduk di hilir Sungai Balui;
- (ii) kualiti air dan kehidupan akuatik di hilir Sungai Balui; dan
- (iii) pencemaran di hilir Sungai Balui.

(d) Memorandum Jawatankuasa Bertindak Rakyat Kawasan Bakun (bertarikh 3.7.2001)

Memorandum daripada Jawatankuasa Bertindak Rakyat Kawasan Bakun yang mewakili penduduk-penduduk rumah panjang di Penempatan Semula Sungai Asap, penduduk di Sungai Balui yang telah berpindah ke hulu dan penduduk di sekitar Sungai Belaga.

Isu-isu yang dibangkitkan oleh penduduk di Penempatan Semula Sungai Asap adalah seperti berikut:-

- (i) pampasan yang belum diselesaikan;
- (ii) peruntukan kawasan tanaman yang tidak mencukupi dan tidak sesuai;
- (iii) harga rumah bernilai RM52,000 adalah terlalu mahal dan tidak wajar;
- (iv) pampasan rumah lama tidak pernah diterima; dan
- (v) kemudahan asas yang tidak lengkap.

Isu-isu yang dibangkitkan oleh penduduk di Sungai Balui yang telah berpindah ke hulu sungai adalah seperti berikut:-

- (i) bayaran pampasan yang belum dijelaskan;
- (ii) kelengkapan awam tidak dibina; dan
- (iii) hak untuk menentukan hala tuju masa depan mereka.

Isu-isu yang dibangkitkan oleh penduduk di sekitar Sungai Belaga adalah seperti berikut:-

- (i) pampasan ke atas tanah mereka yang telah diperolehi untuk pembinaan jalanraya Tubau – Bakun yang tidak diberi;
- (ii) penebangan pokok buah-buahan di tebing Sungai Belaga oleh pekerja-pekerja Jabatan Tanah dan Ukur;
- (iii) pencerobohan tanah NCR oleh syarikat ladang kelapa sawit; dan
- (iv) tekanan ke atas sumber mata pencarian akibat pertambahan penduduk di Belaga.

4. Tindakan SUHAKAM

Berdasarkan Seksyen 4(2)(d) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (**Akta 597**), SUHAKAM telah memutuskan untuk menyasat isu-isu pokok yang telah dibangkitkan dalam keempat-empat memorandum tersebut. Antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:-

(a) Melawat Kawasan Kaum Asli Sarawak yang berkenaan

Dari 27.10.2001 hingga 2.11.2001, satu rombongan SUHAKAM telah melawat kawasan yang terlibat. Ahli-ahli rombongan SUHAKAM terdiri daripada:-

Dato' Dr. Salleh Mohd Nor	-	Pesuruhjaya (Ketua Rombongan)
Professor Chiam Heng Keng	-	Pesuruhjaya
Dr. Mohamad Hirman Ritom Abdullah	-	Pesuruhjaya
Encik Mohd Nasir Abdul Hadi	-	Urus Setia

Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada masyarakat asli Sarawak yang terlibat, mendapatkan butir-butir terperinci mengenai aduan-aduan mereka serta menyaksikan sendiri keadaan sebenar masalah yang mereka hadapi.

Kronologi lawatan rombongan SUHAKAM ini terkandung dalam Lampiran 1.

(b) Menemui Wakil Agensi Kerajaan Negeri Sarawak

Pada pagi 13.12.2001, pertemuan di antara Pesuruhjaya SUHAKAM dan beberapa agensi Kerajaan Sarawak telah diadakan di Hotel Hilton, Kuching.

Rombongan SUHAKAM yang terlibat terdiri daripada:-

Tan Sri Dato' Hj. Anuar bin Dato' Hj.

Zainal Abidin	- Pesuruhjaya (Ketua Rombongan)
Dato' Dr. Salleh Mohd Nor	- Pesuruhjaya
Professor Dato' Hamdan Mohd Adnan	- Pesuruhjaya
Professor Chiam Heng Keng	- Pesuruhjaya
Dr. Mohamad Hirman Ritom Abdullah	- Pesuruhjaya
Encik Mohd Nasir Abdul Hadi	- Urus Setia
Encik Sophian bin Osman	- Urus Setia

Agensi kerajaan Sarawak pula diwakili oleh 42 orang yang diketuai oleh Datuk J.C. Fong, Peguam Besar Negeri Sarawak. Dato' Wilson Baya Dandot, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak juga turut hadir. Senarai pegawai dan agensi kerajaan yang hadir terkandung dalam Lampiran 2.

Pertemuan ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan penjelasan pihak Kerajaan Negeri Sarawak mengenai isu yang telah dibangkitkan oleh masyarakat asli Sarawak.

Datuk J.C. Fong telah memberi taklimat berhubung dengan '*Native Customary Laws and Native Rights Over Land in Sarawak*'. Taklimat Datuk J.C Fong terkandung dalam Lampiran 3. Dato' Wilson Baya Dandot memberi taklimat mengenai rangka dan dasar pembangunan negeri Sarawak. Pengurus Besar Lembaga Pembangunan dan Perlindungan Tanah Sarawak (**PELITA**) dan Pengurus Besar Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (**SALCRA**) telah menerangkan tentang kejayaan Kerajaan Negeri Sarawak dalam membangunkan tanah adat melalui usaha sama dengan masyarakat asli Sarawak.

(c) Menemui Wakil Persatuan Pembalakan Sarawak

Pada petang 13.12.2001, rombongan SUHAKAM yang sama telah berdialog dengan Persatuan Pembalakan Sarawak (*Sarawak Timber Association - STA*) yang diketuai oleh Datuk Leo Chai.

Sesi ini juga bertujuan untuk membangkitkan masalah yang dihadapi masyarakat asli Sarawak, tetapi berfokus kepada masalah yang terbangkit akibat daripada kerja pembalakan dan kesannya terhadap alam sekitar serta kehidupan masyarakat tersebut.

Pihak STA menegaskan bahawa ahli mereka sentiasa sanggup untuk berbincang dengan masyarakat asli mengenai masalah yang dihadapi mereka. Mereka juga memberi jaminan bahawa mereka bersedia untuk memberi bantuan yang sewajarnya kepada masyarakat asli yang terlibat.

(d) Menemui Y.A.B. Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abdul Taib bin Mahmud, Ketua Menteri Sarawak

Pada 18.2.2002, satu rombongan SUHAKAM yang diketuai oleh Tan Sri Dato' Musa bin Hitam, Pengerusi SUHAKAM, telah berjumpa dengan Y.A.B. Ketua Menteri Sarawak. Datuk J.C. Fong, Peguam Besar Negeri Sarawak, telah turut hadir bersama.

Dalam pertemuan ini, isu-isu yang dibangkitkan oleh masyarakat asli Sarawak semasa lawatan rombongan SUHAKAM telah dibincangkan dengan Y.A.B. Ketua Menteri Sarawak. Ringkasan perbincangan di antara rombongan SUHAKAM dan Y.A.B. Ketua Menteri terkandung dalam Lampiran 4.

5. Matlamat laporan

Laporan ini bertujuan untuk mendokumentasikan perkara-perkara berikut:-

- (a) masalah-masalah masyarakat asli Sarawak yang berkaitan dengan hak asasi yang dibentangkan oleh mereka;
- (b) perbincangan antara SUHAKAM dan pihak-pihak yang berkenaan; dan
- (c) syor-syor untuk menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat asli Sarawak.

6. Penghargaan

SUHAKAM ingin merakamkan penghargaannya kepada semua pihak yang telah membantunya - sama ada secara langsung atau tidak langsung – untuk menyempurnakan matlamat penyelidikan dan pengumpulan maklumat dan seterusnya menghasilkan laporan ini. Antaranya termasuk:-

- Y.A.B. Datuk Patinggi Dr. Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak;
- Y.B. Datuk Amar Hj. Abdul Aziz Hussein, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak;
- Y. Bhg. Datuk J.C. Fong, Peguam Besar Negeri Sarawak;
- Y. Bhg. Dato' Wilson Baya Dandot, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak;
- Encik Bujang bin Haji Bidin, Pegawai Daerah Belaga;
- Encik Joe Komeok, Baram Penan Association;
- Encik Huvat Laing, Ketua Kampung Uma Lesong;
- Encik Bato Bagi, Ketua Kampung Long Buko;
- Ketua Kampung Long Kevok;
- Ketua Kampung Ba Panggaran;
- Encik Thomas Jalong, Persatuan HAKAM Malaysia;
- Encik Ajang Kiew, Pengerusi Persatuan Kaum Penan;
- Cik Lengiden ak Guba, wakil masyarakat Iban di Miri;
- Persatuan Pembalakan Sarawak;
- Kapten Mohd Dom bin Ahmad, Syarikat Hornbill Skyways Sdn. Bhd.; dan
- Semua individu serta kumpulan lain yang berkenaan.

BAB 2

ISU PENDUDUK DI PENEMPATAN SEMULA SUNGAI ASAP, BELAGA

Penempatan Semula Sungai Asap, Belaga adalah penempatan semula seramai lebih kurang 9,500 orang masyarakat asli Sarawak yang terdiri daripada kaum Kenyah, Kayan, Lahanan, Ukit dan Penan akibat daripada pembinaan empangan hidroelektrik Bakun.

Semasa lawatan ke kawasan yang terlibat, SUHAKAM telah dimaklumkan mengenai isu-isu berikut:-

1. Ketidakpuashatian mengenai pampasan

Akibat daripada perolehan tanah oleh kerajaan negeri Sarawak untuk projek pembinaan empangan hidroelektrik Bakun, penduduk di Penempatan Semula Sungai Asap telah diberi pampasan. Walau bagaimanapun, menurut beberapa wakil Penempatan Semula Sungai Asap, Belaga yang ditemui oleh rombongan SUHAKAM, terdapat segelintir masyarakat asli Sarawak yang berkenaan yang tidak puas hati mengenai pampasan yang diterima mereka. Ini kerana:-

- tanah masyarakat asli yang terletak di luar perimeter kawasan yang akan dibanjiri bagi tujuan pembinaan empangan hidroelektrik tidak diambil kira dalam menentukan jumlah sebenar kadar pampasan;
- tahap ketelusan proses pembayaran pampasan dipersoal. Ini kerana jumlah pampasan yang diberikan kepada seseorang individu berbeza-beza dan ternyata terdapat jurang yang agak jauh antara individu; dan
- masih terdapat masyarakat asli yang belum lagi menerima bayaran pampasan mereka dengan sepenuhnya kerana terdapat prosiding mahkamah yang masih belum memutuskan lagi mengenai jumlah pampasan yang patut diterima.

SUHAKAM menegaskan bahawa masyarakat asli Sarawak mempunyai hak ke atas tanah yang didiami mereka sejak turun temurun walaupun mereka tidak mempunyai dokumen hak milik [lihat kes-kes Mahkamah Tinggi seperti *Nor Anak Nyawai & Ors v Borneo Pulp Plantation Sdn Bhd & Ors* [2001] 6 MLJ 241 dan *Sagong Bin Tasi & 6 Ors v Kerajaan Negeri Selangor & 3 Ors* (Civil Suit No: MTI-21-314-1996) (12 April 2002)].

Hak masyarakat asli ke atas tanah yang didiami mereka sejak turun temurun ini juga diperuntukkan oleh suratcara antarabangsa seperti *Part II (Articles 13 –19) International Labour Organisation Convention No. 169 concerning Indigenous and Tribal Peoples in Independent Countries (1989) (ILO Convention No. 169)*² dan *Part VI (Articles 25 – 30) Draft United Nations Declaration on the Rights of Indigenous Peoples (Draft UN Declaration)*.³

Oleh itu, SUHAKAM berpendapat bahawa hak milik masyarakat asli Sarawak ke atas tanah ini haruslah diberi pengiktirafan dan dihormati oleh semua pihak menurut piawaian tempatan dan antarabangsa.

Selain itu, SUHAKAM berpendapat bahawa hak milik masyarakat asli Sarawak ke atas tanah yang telah didiami mereka sejak turun termurun adalah hak asasi yang dilindungi oleh Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan:-

- “(1) Tiada seseorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang.
- (2) Tiada sesuatu undang-undang pun boleh membuat peruntukan bagi mengambil atau menggunakan harta-harta dengan paksa dengan tiada pampasan yang mencukupi.”

² Konvensyen ini terkandung di dalam Lampiran 5. Walaupun Malaysia belum meratifikasikan Konvensyen ini, ianya patut dijadikan panduan mengenai hak tanah orang asli kerana Konvensyen ini merupakan dasar minima antarabangsa mengenai hak orang asli.

³ Draf Deklarasi terkandung di dalam Lampiran 6. Ia memberi peluang kepada sesebuah negara untuk menggunakan sesuatu instrumen yang selaras dengan pendapat orang Asal serta pakar-pakar tentang hak orang Asal.

[Lihat Mahkamah Tinggi di dalam kes *Adong bin Kuwau v Kerajaan Negeri Johor* [1997] 1 MLJ 418 (yang disahkan oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Kerajaan Negeri Johor & Anor v Adong bin Kuwau & Ors* [1998] 2 MLJ 158)].

Dengan itu, SUHAKAM menegaskan bahawa sekiranya tanah yang telah didiami oleh masyarakat asli sejak turun temurun perlu diperolehi oleh pihak berkenaan atas alasan yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkuatkuasa, pampasan yang mencukupi perlu dibayar seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan serta peruntukan-peruntukan antarabangsa seperti *Article 16(4) and Article 16(5) ILO Convention No. 169* dan *Article 10 Draft UN Declaration*.

Berkenaan dengan kadar pampasan yang perlu dibayar, SUHAKAM berpendapat bahawa prinsip-prinsip di dalam keputusan kes Mahkamah Tinggi, *Adong bin Kawau & Ors v Kerajaan Negeri Johor & Anor* [1997] 1 MLJ 418 (yang disahkan oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Kerajaan Negeri Johor & Anor v Adong bin Kuwau & Ors* [1998] 2 MLJ 158), patut digunapakai di dalam menentukan kadar pampasan yang perlu dibayar kepada masyarakat asli Sarawak.

Di dalam kes tersebut, mahkamah telah memutuskan faktor-faktor berikut harus diambil kira dalam penentuan kadar pampasan:-

- (a) masyarakat asli bergantung kepada tanah yang didiami mereka sejak turun temurun untuk menampung kehidupan mereka;
- (b) apabila tanah mereka diperolehi, selain daripada kehilangan hak mereka ke atas tanah tersebut mereka juga akan:-
 - (i) kehilangan tanah warisan (*deprivation of heritage land*);
 - (ii) kehilangan kebebasan untuk bermastautin atau bergerak di bawah Perkara 9(2) Perlembagaan Persekutuan [*deprivation of freedom of inhabitation or movement under art 9(2)*];

-
- (iii) kehilangan penggunaan sumber hutan (*deprivation of produce of the forest*);
 - (iv) kehilangan kehidupan masa depan untuk mereka yang terlibat dan keluarga terdekat mereka (*deprivation of future living for himself and his immediate family*); dan
 - (v) kehilangan kehidupan masa depan untuk warisan mereka yang terlibat (*deprivation of future living for his descendants*).

Berdasarkan analisa di atas, **SUHAKAM mengesyorkan bahawa:-**

- (a) Pihak berkuasa mengkaji semula mekanisme pembayaran pampasan supaya mekanisme tersebut adalah adil, telus dan berasas kepada piawaian tempatan dan antarabangsa.
- (b) Baki pampasan yang belum dibayar kepada mereka yang berkenaan dibayar secepat mungkin setelah selesai prosiding mahkamah.

2. Harga rumah dan mutu kemas

Rombongan SUHAKAM telah dimaklumkan bahawa setiap keluarga di Penempatan Semula Sungai Asap perlu membayar RM52,000.00 untuk seunit rumah baru mereka.

Selain itu, mutu kemas rumah mereka kurang memuaskan. Terdapat, antara lainnya, pintu dan tingkap yang telah pecah, dinding yang telah retak dan tangga yang tidak stabil. Bahan binaan yang digunakan juga adalah berkualiti rendah.

SUHAKAM menegaskan bahawa tempat kediaman merupakan hak asasi seseorang seperti mana yang diperuntukkan oleh *Article 25 Universal Declaration of Human Rights* yang menyatakan:-

“Everyone has the right to a standard of living adequate for health and well-being of himself and of his family, including food, clothing, **housing** (emphasis supplied) and medical care and necessary social service ...”

Article 22 Draft UN Declaration juga menegaskan sedemikian.

Oleh itu, **SUHAKAM mengesyorkan bahawa:-**

- (a) Walaupun SUHAKAM sedar bahawa mereka yang terlibat mempunyai tempoh lanjutan (*grace period*) selama 5 tahun sebelum mereka perlu membayar untuk rumah mereka, SUHAKAM mengesyorkan bahawa mereka yang terlibat diberi rumah secara **percuma** atas dasar perikemanusiaan. Ini kerana, antara lainnya:-
 - (i) penempatan semula mereka bukanlah atas kerelaan mereka sendiri tetapi disebabkan oleh keadaan; dan
 - (ii) penempatan semula masyarakat asli yang terlibat menyebabkan mereka kehilangan pelbagai aspek kehidupan mereka sebagaimana yang disenaraikan oleh Mahkamah Tinggi di dalam kes *Adong bin Kawau & Ors v Kerajaan Negeri Johor & Anor* [1997] 1 MLJ 418 (yang disahkan oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Kerajaan Negeri Johor & Anor v Adong bin Kuwau & Ors* [1998] 2 MLJ 158).
- (b) Pihak berkenaan memperbaiki kerosakan yang dialami oleh setiap rumah secepat mungkin dan tanpa kos.

3. Kemudahan asas yang kurang sempurna

Semasa lawatan ke Penempatan Semula Sungai Asap, rombongan SUHAKAM dimaklumkan bahawa:-

- pembentungan dan perparitan penempatan tersebut adalah kurang sempurna. Kekurangan sistem sedemikian mungkin mendedahkan penghuni-penghuni kepada pelbagai risiko penyakit kesan daripada pembiakan nyamuk dan sebagainya;

-
- sistem pembuangan sampah penempatan tersebut adalah kurang sempurna. Ini menjejaskan kebersihan air sungai yang merupakan punca air bersih penduduk di penempatan tersebut;
 - air yang disediakan oleh loji air yang sedia ada tidak mencapai taraf yang memuaskan; dan
 - jalan raya yang menghubungkan penempatan tersebut dan kawasan bandar lain serta rangkaian jalan raya dalam kawasan penempatan tersebut masih belum diturap.

Seperti yang telah dinyatakan di atas, *Article 25 Universal Declaration of Human Rights* memperuntukan bahawa setiap insan mempunyai hak untuk menikmati taraf hidup yang sempurna.

Dari segi ini, SUHAKAM sedar dan puji usaha-usaha kerajaan untuk menyediakan kemudahan sekolah dan perubatan serta kemudahan asas lain seperti bekalan air dan elektrik, kedai-kedai dan lot industri. Perancangan sedemikian penting bagi menentukan masa depan masyarakat asli yang terlibat, terutama bagi persekolahan anak-anak mereka.

Namun begitu, isu-isu yang dibangkitkan di atas perlu diberi perhatian serius dan rapi dengan seberapa segera dan dengan itu, **SUHAKAM mengesyorkan bahawa:-**

- (a) Berkenaan dengan sistem pembentungan dan perparitan:-
 - (i) sistem pembentungan dan perparitan diperbaiki oleh pihak yang berkenaan secepat mungkin.
- (b) Berkenaan dengan loji pembentungan najis:-
 - (i) pihak berkenaan harus membina loji pembentungan najis di perkampungan yang tidak mempunyai loji tersebut secepat mungkin.
- (c) Berkenaan dengan bekalan air:-

-
- (i) pihak Kerajaan memastikan kerja-kerja kawal selia loji pembersihan air dijalankan dengan sempurna bagi memastikan kualiti bekalan air sentiasa di tahap bersih; dan
 - (ii) amalan menyalurkan bahan-bahan buangan dari rumah ke sungai-sungai yang berdekatan harus dihentikan.
- (d) Berkenaan dengan jalan raya:-
- (i) pihak Kerajaan harus memastikan bahawa jalan yang menghubungkan satu kawasan perkampungan dengan kawasan perkampungan yang lain dan juga dengan pusat bandar berada dalam keadaan yang sempurna secepat mungkin.

4. Kesukaran menampung hidup

- Masyarakat asli yang terlibat dalam penempatan semula di Sungai Asap diberi tanah seluas 3 ekar untuk membolehkan mereka meneruskan aktiviti penanaman mereka. Terdapat aduan bahawa tanah seluas 3 ekar tidak mencukupi untuk menampung keperluan harian mereka. Selain itu, ada segelintir masyarakat yang tidak mengetahui lokasi tanah mereka. Selanjutnya, tidak terdapat jalan yang sesuai bagi menghubungkan rumah dan tanah mereka;
- Akibat daripada penempatan semula di Sungai Asap ini, mereka yang terlibat terpaksa menukar cara hidup mereka daripada *subsistence economy* kepada *cash economy*. Oleh kerana pekerjaan sukar didapati di kawasan ini, isu yang timbul adalah bagaimana mereka akan mendapatkan sumber kewangan untuk membiayai keperluan harian mereka. Masalah ini menjadi lebih rumit kerana segolongan masyarakat di penempatan ini tidak fasih dalam teknik penanaman komersial dan usaha kerajaan untuk menggalakkan penanaman komersial didapati kurang berkesan.

SUHAKAM mengambil kira keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *R Rama Chandran v The Industrial Court of Malaysia & Anor* [1997] 1 MLJ 145 yang

memutuskan bahawa “kehidupan” dalam Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan adalah cukup luas bagi meliputi hak untuk menampung kehidupan (*right to livelihood*).

Tidak dapat dinafikan bahawa penempatan semula masyarakat asli ke Penempatan Semula Sungai Asap bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Namun demikian, langkah-langkah tertentu perlu diambil oleh pihak yang berkenaan untuk memastikan bahawa kesan penempatan ini tidak akan menyebabkan segolongan masyarakat menghadapi kesukaran untuk menampung kehidupan mereka.

Mahkamah Rayuan membayangkan keadaan ini di dalam kes *Kerajaan Negeri Johor & Anor v Adong bin Kuwau & Ors* [1998] 2 MLJ 158 apabila ia memutuskan bahawa:-

“It is now settled beyond argument in our jurisdiction that deprivation of livelihood may amount to deprivation of life itself and that state action which produces such a consequence may be impugned on well-established grounds ... The learned judge was therefore correct in concluding that where state action has the effect of unfairly depriving a citizen of his livelihood, adequate compensation is one method of remedying the harm occasioned by such action pursuant to art 13 of the Federal Constitution.”

SUHAKAM mengesyorkan bahawa:-

- (a) Mengenai tanah 3 ekar:-
- (i) pihak yang berkenaan menunjukkan kepada tuan punya tanah lokasi sebenar bidang tanah 3 ekar mereka;
 - (ii) pihak yang berkenaan membina jalan menghubungkan rumah dan tanah kebun penghuni-penghuni di Penempatan Semula Sungai Asap bagi memudahkan perjalanan ulang-alik mereka;
 - (iii) pihak tertentu perlu mengambil tindakan menerusi jentera kerajaan yang sedia ada untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat asli mengenai penanaman komersial;

-
- (iv) setelah tanah 3 ekar ini digunakan secara sepenuhnya dan didapati bahawa tanah ini tidak mencukupi untuk menampung kehidupan seharian mereka, seperti yang dinyatakan oleh Ketua Menteri Sarawak semasa sesi perbincangan dengan SUHAKAM, kerajaan boleh menimbangkan permohonan tanah yang lebih luas; dan
 - (v) pihak Kerajaan patut menimbangkan pengwujudan satu kawasan *communal reserve* bagi masyarakat asli Sarawak yang berkenaan.
- (b) Mengenai peluang pekerjaan:-
- (i) pihak Kerajaan patut berusaha agar penghuni-penghuni di Penempatan Semula Sungai Asap mempunyai peluang pekerjaan. Ini kerana menurut *Article 23 (1) Universal Declaration of Human Rights* yang menyatakan bahawa:-

“Everyone has the right to work, to free choice of employment, to just and favourable conditions of work and to protection against unemployment.”

Dari segi ini, panduan boleh didapati daripada, antara lain, *Article 20 ILO Convention* dan *Paragraph 26.9, Chapter 26, Agenda 21 – Report of the United Nations Conference on Environment and Development, Rio de Janeiro, 3– 14 June 1992*⁴ sebagai panduan kepada pihak Kerajaan.

SUHAKAM telah dimaklumkan bahawa Sarawak Hidro Sendirian Berhad akan menawarkan pekerjaan kepada mereka yang telah dipindahkan ke Sungai Asap;
 - (ii) pihak Kerajaan Negeri Sarawak patut memastikan masyarakat asli yang terlibat dengan projek pembinaan empangan hidroelektrik diberi peluang

⁴ Laporan ini terkandung dalam Lampiran 7. *Agenda 21* merupakan pelan tindakan komprehensif yang patut dilaksanakan pada peringkat antarabangsa, kebangsaan serta tempatan oleh organisasi Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu, pihak Kerajaan serta kumpulan-kumpulan yang dapat mempengaruhi dasar alam sekitar.

untuk memiliki saham (yang diamanahkan kepada sebuah badan yang berkenaan) di dalam projek tersebut;

- (iii) pihak Kerajaan Negeri Sarawak juga harus menggalakkan penyertaan tempatan (*local participation*) yang aktif dalam projek pembinaan empangan hidroelektrik Bakun; dan
- (iv) majikan yang memberi peluang pekerjaan kepada penghuni-penghuni di sini harus menyediakan program latihan khas untuk mereka. Ini bertujuan supaya masyarakat tempatan boleh memberi sumbangan yang berkesan kepada projek hidroelektrik Bakun.

5. Kemudahan keselamatan yang kurang sempurna

Semasa lawatan rombongan SUHAKAM ke Penempatan Semula Sungai Asap didapati terhadap sebuah pondok Polis yang hanya menempatkan seramai 3 orang anggota sahaja. Selain daripada itu, didapati tidak adanya agensi keselamatan/kecemasan lain yang ditempatkan di kawasan tersebut.

SUHAKAM mengesyorkan bahawa:-

- (a) Pihak kerajaan menyediakan perkhidmatan keselamatan dan kecemasan yang selaras dengan jumlah penghuni dan keadaan persekitarannya.
- (b) Pihak kerajaan harus melatih tenaga sukarelawan daripada kalangan penghuni Penempatan Semula Sungai Asap untuk menampung keperluan keselamatan dan kecemasan masyarakat di situ.

BAB 3

ISU PENDUDUK DI HULU SUNGAI BALUI DAN KAWASAN PERSEKITARANNYA

Penduduk yang ditemui oleh rombongan SUHAKAM pada bulan Oktober/November 2001 terdiri daripada penduduk daripada penempatan berikut:-

- (a) Long Lawen;
- (b) Long Jawe;
- (c) Long Buko;
- (d) Sang Anau; dan
- (e) Rumah Nyabing.

Butir kawasan yang dilawati adalah seperti berikut:-

(a) Long Lawen

Long Lawen merupakan kawasan penempatan semula masyarakat Kenyah Badung dari Long Gang yang memilih untuk tidak berpindah ke Penempatan Semula Sungai Asap. Perkampungan tersebut mempunyai penduduk seramai 380 orang yang terdiri daripada 65 keluarga dan telah berpindah ke kawasan tersebut sejak tahun 1996. Menurut penduduk di sini, sebanyak 30% daripada pampasan akibat daripada perolehan tanah mereka di Long Gang oleh kerajaan negeri Sarawak untuk projek pembinaan empangan hidroelektrik Bakun telah dibayar kepada mereka. Namun demikian, menurut mereka, kerajaan negeri Sarawak hanya akan membayar baki pampasan sebanyak 70% apabila mereka berpindah ke Penempatan Semula Sungai Asap.

Kemudahan yang ada di perkampungan tersebut adalah sebuah tadika, *flying doctor service* dan sebuah janakuasa hidro. Tadika dan janakuasa hidro dibiayai oleh *Bernett Foundation*.

(b) Long Jawe

Perkampungan Long Jawe merupakan perkampungan yang akan ditenggelami air berikutan pembinaan empangan hidroelektrik Bakun. Penduduk yang masih

tinggal di sini terdiri daripada 23 keluarga yang enggan berpindah ke Penempatan Semula Sungai Asap. Sebuah sekolah rendah telah ditutup oleh kerajaan. Penduduk mendakwa bahawa sehingga kini mereka masih tidak mendapat pampasan bagi tanah untuk kegunaan bersama (*communal land*) mereka.

(c) Long Buko

Long Buko adalah satu perkampungan baru kaum Kayan yang berasal dari sebahagian penduduk Batu Keling yang enggan berpindah ke penempatan baru di Sungai Asap. Mereka percaya Long Buko adalah di luar sempadan yang akan ditenggelami air akibat daripada pembinaan empangan hidroelektrik Bakun dan mendakwa bahawa Long Buko adalah di luar sempadan (*perimeter*) kawasan yang akan ditenggelami air. Walau bagaimanapun, rombongan SUHAKAM mendapati bahawa berdasarkan *altimeter* helicopter yang telah dibuatnya, kawasan tersebut berada di bawah paras yang akan ditenggelami air berikutan pembinaan empangan hidroelektrik Bakun.

Penduduk Long Buko mendakwa mereka masih belum menerima 70% baki pampasan dari pihak kerajaan. Dalam dialog di Long Buko beberapa wakil penduduk dari Sang Anau dan Rumah Nyaving telah turut serta untuk mengemukakan aduan.

Semasa lawatan ke kawasan yang terlibat, SUHAKAM telah dimaklumkan mengenai isu-isu berikut:-

1. Baki pampasan yang tertunggak

Berdasarkan aduan daripada mereka yang terlibat, baki pampasan akibat daripada perolehan tanah masyarakat asli yang terlibat kerana pembinaan empangan hidroelektrik Bakun hanya akan dibayar sekiranya mereka berpindah ke Penempatan Semula Sungai Asap. Mereka menuntut pampasan tersebut dibayar walaupun mereka tidak berpindah.

Sepertimana yang telah dijelaskan di dalam Bab 2,⁵ sekiranya tanah yang telah didiami oleh masyarakat asli sejak turun temurun perlu diperolehi oleh pihak berkenaan atas alasan yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkuatkuasa, pampasan yang mencukupi perlu dibayar.

SUHAKAM berpendapat bahawa hak ke atas pampasan tersebut tidak tertakluk kepada penempatan semula masyarakat asli ke kawasan yang telah dikenalpasti oleh pihak yang berkenaan.

Oleh itu, **SUHAKAM mengesyorkan bahawa** pihak berkenaan membayar wang pampasan yang masih tertunggak kepada masyarakat asli yang tanah mereka perlu diperolehi sungguhpun mereka tidak berpindah ke Penempatan Semula Sungai Asap.

2. Keengganan segelintir penduduk untuk berpindah

Penduduk di kawasan hulu Sungai Balui dan kawasan sekitarnya tidak ingin berpindah ke Penempatan Semula Sungai Asap atas beberapa alasan yang termasuk:-

- (a) mereka tidak bersetuju dengan tawaran dan jumlah pampasan yang ditetapkan oleh kerajaan;
- (b) mereka tidak ingin mengalami pengalaman yang dianggap pahit sepertimana yang dialami oleh mereka yang telah berpindah ke Penempatan Semula Sungai Asap; dan
- (c) sumber makanan di tempat yang dipilih oleh mereka sekarang ini mencukupi untuk menampung keperluan harian.

SUHAKAM sedar bahawa pihak Kerajaan berharap agar masyarakat asli Sarawak yang berkenaan berpindah ke Penempatan Semula Sungai Asap kerana pihak kerajaan ingin meningkatkan taraf hidup mereka.

⁵ Sila lihat Bahagian 1, Bab 2

SUHAKAM dimaklumkan oleh pihak Kerajaan Negeri Sarawak bahawa pemindahan semula ke kawasan Penempatan Semula Sungai Asap ini adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk membangunkan negeri Sarawak. Pemindahan semula ke kawasan Penempatan Semula Sungai Asap akan memberi peluang kepada masyarakat asli untuk membangunkan diri dan meningkatkan taraf hidup mereka.

Namun begitu, SUHAKAM berpendapat bahawa masyarakat asli juga mempunyai hak untuk menentukan keutamaan mereka sendiri dalam proses pembangunan sepertimana yang diperuntukkan dalam suratcara antarabangsa seperti *Article 7(1)* dan *Article 16(2) ILO Convention No. 169* dan *Article 30 Draft UN Declaration on the Rights of Indigenous Peoples*.

Oleh itu, SUHAKAM berpendapat polisi pembangunan Kerajaan dan hak masyarakat asli untuk menentukan keutamaan dalam proses pembangunan, perlu diseimbangkan.

Dengan itu, **SUHAKAM mengesyorkan bahawa:-**

- (a) Masyarakat asli yang ingin menetap di kawasan yang lain daripada kawasan Penempatan Semula Sungai Asap harus dibenarkan bermastautin di kawasan pilihan mereka sekiranya keselamatan mereka terjamin.
- (b) Pihak berkenaan memberikan maklumat penuh kepada masyarakat asli yang tinggal berhampiran empangan hidroelektrik Bakun mengenai sempadan kawasan yang dijangka akan ditengalami air untuk memastikan keselamatan penduduk berkenaan terjamin.
- (c) SUHAKAM mengesyorkan bahawa kerajaan mengikut peruntukan antarabangsa seperti yang terkandung di dalam *Article 2* dan *Article 7(2) ILO Convention No. 169*.
- (d) SUHAKAM berpendapat bahawa perancangan pembangunan sosial dan ekonomi yang melibatkan masyarakat asli memerlukan perundingan dengan semua pihak yang berkaitan sebelum sesuatu projek dimulakan. Panduan mengenai pembangunan masyarakat boleh didapati dalam Chapter 26, *Agenda*

21 dan juga Perenggan 14 and 15 *World Bank Operational Directive 4.20 (September 1991)*.⁶

3. Kemudahan asas dan awam yang kurang sempurna

Walaupun terdapat masyarakat asli, seperti masyarakat asli di Long Lawen, yang menikmati kemudahan asas dan kemudahan awam yang sederhana, masyarakat asli yang lain yang memilih untuk tidak berpindah ke Penempatan Semula Sungai Asap tidak berpeluang menikmati kemudahan asas dan awam seperti bekalan air, pendidikan dan kesihatan yang sewajarnya.

Sepertimana yang telah dijelaskan di dalam Bab 2,⁷ setiap insan mempunyai hak untuk menikmati taraf hidup yang sempurna.

Selain itu, SUHAKAM menegaskan bahawa pendidikan merupakan satu aspek yang wajib untuk setiap kanak-kanak sebagaimana yang disebut di dalam *Article 28(1)(a) Convention on the Rights of the Child*.⁸ Oleh yang demikian masyarakat asli tidak boleh dinafikan hak untuk mendapatkan pendidikan. Hak untuk pendidikan juga merupakan salah satu daripada hak asasi yang dijamin oleh Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan dan suratcara antarabangsa seperti *Article 26(1) Universal Declaration of Human Rights* yang menyatakan:-

“Everyone has the right to education. Education shall be free, at least in the elementary and fundamental stages. Elementary education shall be compulsory. Technical and professional education shall be made generally available and higher education shall be equally accessible to all on the basis of merit.”

SUHAKAM juga menegaskan bahawa adalah penting untuk masyarakat asli yang berkenaan diberi kemudahan kesihatan yang sewajarnya. Hak untuk kesihatan dijamin oleh Perkara 25 *Universal Declaration of Human Rights* dan juga *Part V ILO Convention No. 169* dan *Article 24 Draft UN Declaration*.

⁶ Dokumen ini terkandung dalam Lampiran 8.

⁷ Sila lihat Bahagian 3, Bab 2

⁸ Malaysia telah meratifikasikan Konvensyen ini.

Oleh itu, **SUHAKAM** mengesyorkan bahawa:-

- (a) Pihak berkuasa seharusnya memastikan masyarakat asli yang tidak berpindah ke Penempatan Semula Sungai Asap mendapat kemudahan pendidikan dan kesihatan.
- (b) Masyarakat asli harus menggunakan kesemua kemudahan asas dan awam yang disediakan oleh pihak berkuasa.
- (c) Masyarakat asli harus faham bahawa penempatan baru seperti Penempatan Semula Sungai Asap adalah satu langkah kerajaan untuk meningkatkan mutu pendidikan dan kesihatan mereka. Mereka diseru untuk mengambil kesempatan yang sedia ada demi kebaikan dan masa depan anak-anak mereka.

BAB 4

ISU KAUM PENAN

Kaum Penan Sarawak yang ditemui oleh rombongan SUHAKAM pada bulan Oktober/November 2001 terdiri daripada kaum Penan dari:-

- (a) Kawasan Perkampungan Ba Penggaran, Ulu Baram, Bahagian Miri;
- (b) Kawasan Penempatan Semula Long Kevok; dan
- (c) Kampung Suai, Miri;

Rombongan SUHAKAM juga berpeluang singgah sebentar di *Samling Central Base Camp* untuk mendapat maklumat berkenaan dengan pembalakan di kawasan tersebut.

Butir-butir kawasan yang dilawati adalah seperti berikut:--

(a) Perkampungan Ba Penggaran

Kawasan Ba Penggaran didiami oleh 30 keluarga Kaum Penan dari suku Serungguh sejak lebih kurang enam tahun yang lalu. Sebelum itu, kumpulan ini telah hidup secara berpindah randah dari satu tempat ke satu tempat sehingga mereka menetap di Ba Penggaran ini yang bersempadan dengan Ba Jo - satu penempatan masyarakat asli dari Suku Kayan.

Rombongan SUHAKAM telah dimaklumkan bahawa mengikut bancian pada tahun 90an, terdapat lebih kurang 100 penempatan di sekeliling Ba Penggaran dengan penduduknya melebihi 10,000 orang. Selain memburu binatang dan mengambil hasil-hasil hutan, keramaian kaum Penan yang telah menetap di kawasan sekitar telah mula bercucuk tanam seperti menanam padi bukit dan juga menanam rotan.

(b) Kawasan Penempatan Semula Long Kevok

Long Kevok merupakan kawasan penempatan semula. Penempatan semula ini berupa sebuah rumah panjang yang telah dibina pada tahun 1989. Ia didiami oleh seramai 24 keluarga. Bancian pada tahun 1998 mendapati bahawa terdapat seramai 112 orang penghuni di rumah panjang ini.

Long Kevok merupakan pusat perkhidmatan (*service center*) untuk kaum Penan. Ia mengandungi sebuah sekolah rendah berasrama, sebuah klinik desa dan juga sebuah pejabat pertanian. Pusat perkhidmatan ini telah beroperasi sejak tahun 1991.

(c) Kampung Suai, Miri

Kampung Suai adalah kawasan penempatan kaum Penan yang berasal dari Ulu Kapit, Belaga yang telah berpindah randah sejak 200 tahun yang lalu. Rombongan SUHAKAM dimaklumkan bahawa kaum Penan ini akhirnya menetap di kawasan ini pada tahun 1971 bersama-sama 30 keluarga. Pada masa ini terdapat sebanyak 98 keluarga dengan jumlah penduduk seramai 444 orang dengan kawasan tanah simpanan seluas 8,000 ekar yang diperuntukkan oleh pihak kerajaan negeri Sarawak.

Rombongan SUHAKAM telah dimaklumkan bahawa sejumlah 5,000 ekar dari kawasan tersebut telah ditanam dengan tanaman kelapa sawit iaitu secara usaha sama dengan Lembaga Pembangunan Tanah Sarawak (**SLDB**). SLDB dikatakan memiliki 70% pegangan saham manakala 30% dimiliki oleh penduduk setempat. Perjanjian tersebut telah dimeterai untuk tempoh 60 tahun. Keramaian penduduk di kawasan ini bekerja di ladang kelapa sawit tersebut dengan pendapatan di sekitar RM 12.00 hingga RM 13.00 sehari.

Kawasan selebihnya iaitu seluas 3,000 ekar telah dibahagi-bahagikan kepada penduduk dengan kawasan seluas lebih kurang 30 ekar bagi setiap keluarga. Kawasan ini dikekalkan sebagai kawasan simpanan kaum Penan untuk digunakan untuk menanam pokok buah-buahan dan tanaman lain.

Terdapat sebuah sekolah rendah berasrama di Kampung ini manakala sekolah menengah yang terdekat adalah lebih kurang 32 kilometer dari Kampung Suai.

(d) Samling Central Base Camp

Rombongan SUHAKAM berpeluang berdialog dengan pihak pengurusan Syarikat Samling Sdn. Bhd. iaitu sebuah syarikat pembalakan di Sarawak. Pertemuan diadakan di *Samling Central Base Camp* di kawasan Baram. Semasa

pertemuan tersebut, pihak pengurusan syarikat tersebut menyatakan kesudiannya untuk membantu kaum Penan dari segi meningkatkan keperluan asas mereka. Pihak syarikat juga memaklumkan bahawa mereka kerap kali menghulurkan bantuan kepada kaum Penan di kawasan pembalakan mereka seperti membekalkan tangki-tangki air, menyediakan jenerator dan bekalan-bekalan makanan.

Semasa lawatan ke kawasan yang terlibat, SUHAKAM telah dimaklumkan mengenai isu-isu berikut:-

1. Hak Kaum Penan ke atas tanah adat serta sumber asli hutan

Kaum Penan di kawasan yang dilawati beranggapan bahawa pihak Kerajaan dan syarikat pembalakan gagal menghormati hak mereka ke atas tanah adat serta sumber asli hutan. Sebagai contoh, mereka mengadu bahawa syarikat pembalakan sering melaksanakan aktiviti pembalakan di kawasan penempatan mereka serta kawasan sekitarnya tanpa perbincangan terlebih dahulu dengan wakil mereka. Keadaan ini menyusahkan mereka kerana kawasan penempatan mereka serta kawasan sekitarnya merupakan tanah tradisional dan nenek moyang mereka. Mereka bergantung kepada tanah tersebut untuk mata pencarian menurut tradisi mereka.

Masalah ini telah wujud sejak 1980an lagi. Ada beberapa insiden yang buruk telah berlaku akibat sekatan (*blockades*) yang telah didirikan oleh kaum Penan untuk menghalang pembalakan oleh syarikat berkenaan kerana ingin melindungi hak mereka. Beberapa orang Penan pernah ditangkap oleh pihak berkuasa dan dipenjarakan. Ada juga yang cedera akibat sekatan tersebut. Keadaan yang tegang di antara kaum Penan dan pihak Kerajaan serta syarikat pembalakan ini telah mendapat perhatian antarabangsa dan telah menjadi asas *Anti-tropical Timber Campaign* di Eropah dan Amerika Syarikat pada 1990an.

Kerajaan Negeri Sarawak menyatakan bahawa kaum Penan telah dipengaruhi oleh pihak tertentu dari luar negara dan Pertubuhan Bukan Kerajaan Antarabangsa. Antara individu yang dinamakan ialah Bruno Manser yang dianggap sebagai seorang *enviromentalist extremist*.

Berdasarkan penjelasan-penjelasan di Bab-Bab 2 dan 3, SUHAKAM berpendapat bahawa untuk menangani masalah ini, tiga faktor utama harus dihargai:-

- (a) Pihak Kerajaan ingin membangunkan tanah-tanah adat kaum Penan dan ingin meningkatkan taraf hidup kaum tersebut;
- (b) Kaum Penan berhak ke atas tanah adat mereka. Hak asasi ini harus dihormati dan diberi pengiktirafan; dan
- (c) Kaum Penan inginkan pembangunan. Namum demikian, mereka berhak untuk menentukan keutamaan mereka sendiri dalam proses pembangunan.

Dengan itu, **SUHAKAM mengesyorkan bahawa:-**

- (a) Kaum Penan berhenti daripada mengadakan sekatan untuk menghalang pembalakan kerana mengadakan sekatan tidak akan menyelesaikan masalah.
- (b) Pihak Kerajaan dan syarikat pembalakan patut memahami, menghormati dan mengiktiraf adat Penan berkaitan tanah.
- (c) Sebelum sesuatu aktiviti pembalakan di kawasan yang melibatkan kaum Penan dilaksanakan, satu kajian berkaitan kesan sosial (*social impact*) perlu dilaksanakan dan laporan mengenainya harus diambil kira.
- (d) Untuk situasi di mana sudah berlakunya pertikaian ekoran aktiviti pembalakan dan pembangunan, SUHAKAM menyeru agar kesemua pihak berunding untuk menyelesaikannya.
- (e) Sekiranya aktiviti pembalakan perlu atau ingin dilaksanakan:-
 - (i) pampasan yang secukupnya menurut piawaian tempatan dan antarabangsa patut dibayar kepada kaum Penan;

- (ii) satu kawasan khas harus dikekalkan sebagai kawasan tadahan air untuk menjamin bekalan air bersih yang berterusan dan untuk mencegah pencemaran air bersih yang lazimnya berlaku akibat aktiviti pembalakan;
- (iii) sebahagian kawasan penempatan asal patut dikekalkan sebagai tanah hutan simpanan supaya kaum Penan dapat meneruskan usaha memburu binatang dan mengambil hasil hutan bagi dijadikan sumber makanan dan sumber ekonomi mereka.

Syor ini selaras dengan keputusan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan dalam *Adong bin Kuwau & Ors v Kerajaan Negeri Johor & Anor* [1997] 1 MLJ 118 yang menyatakan:-

“... the aboriginal people’s rights over land include the right to move freely about their land, without any form of disturbance or interference and also to live from the produce of the land itself ...”

Selain itu, cadangan ini juga selaras dengan peruntukan antarabangsa seperti *Article 13* dan *Article 15 ILO Convention No. 169* yang memperuntukkan untuk hak orang Asal untuk mempraktikkan tradisi dan adat mereka yang istimewa; dan

- (iv) jalan pembalakan patut dijaga secara berterusan dan dinaikkan taraf dari masa ke semasa untuk memudahkan perjalanan harian kaum Penan.

2. Kemudahan asas yang kurang sempurna

Semasa lawatannya, rombongan SUHAKAM mendapati bahawa kebanyakan penempatan kaum Penan:-

- Tidak terdapat keperluan asas seperti bekalan air bersih. Sebagai contoh, sumber bekalan air mereka adalah air hujan atau sungai yang tercemar akibat pembalakan yang tidak terancang. Pencemaran sungai ini menyusahkan mereka

kerana sungai merupakan sumber utama bekalan air mereka. Selain itu, sungai juga merupakan salah satu sumber makanan mereka.

- Tiada bekalan elektrik yang sempurna. Selain daripada Pusat Perkhidmatan Long Kevok, kebanyakan penempatan Penan tidak menikmati bekalan elektrik.
- Terdapat sebilangan perkampungan Penan yang tiada sekolah dan klinik. Untuk menikmati kemudahan-kemudahan tersebut, mereka yang berkenaan terpaksa membuat perjalanan jauh. Contohnya, untuk menikmati kemudahan sekolah dan klinik, kaum Penan di Ba Panggara terpaksa membuat perjalanan darat kira-kira empat jam ke perkampungan Long Lellang. Selain itu, di penempatan yang ada sekolah dan klinik, seperti di Sekolah Rendah Long Sait, kemudahan yang sedia ada adalah kurang sempurna.

SUHAKAM menegaskan bahawa kaum Penan sepertimana kaum-kaum lain mempunyai hak untuk menikmati taraf hidup yang sempurna. SUHAKAM sekali menegaskan betapa pentingnya hak untuk pendidikan dan kesihatan untuk masyarakat asli.

Oleh itu, **SUHAKAM mengesyorkan bahawa:-**

- (a) Berkenaan dengan Bekalan Air:-
 - (i) syarikat pembalakan patut melaksanakan aktiviti pembalakan mereka secara bertanggungjawab. Sekiranya syarikat ini tidak menjalankan aktiviti mereka secara bertanggungjawab, denda harus dikenakan ataupun lesen pembalakan mereka harus ditarik balik;
 - (ii) pihak Kerajaan harus memastikan bahawa setiap penempatan kaum Penan mempunyai bekalan air bersih yang sewajarnya dengan sebagai contoh, menyediakan kemudahan bekalan air seperti *gravity feed*; dan
 - (iii) pihak Kerajaan hendaklah memastikan apabila pembalakan dilakukan, kawasan tadahan air sentiasa dilindungi.
- (b) Berkenaan dengan Kemudahan Kesihatan:-

-
- (i) terdapat kemudahan klinik di Long Kevok yang memuaskan. Namun adalah sukar untuk kerajaan menyediakan kemudahan sedemikian untuk setiap penempatan kaum Penan. SUHAKAM menyeru agar pihak Kerajaan meneruskan khidmat *The Flying Doctor Service* dan meningkatkan kekerapan khidmat ini di setiap penempatan kaum Penan; dan
 - (ii) kaum Penan harus menerima dan melaksanakan nasihat pegawai-pegawai perubatan.
- (c) Berkenaan dengan Kemudahan Pendidikan:-
- (i) pihak Kerajaan seharusnya memastikan bahawa hak kaum Penan untuk pendidikan terjamin. Semua anak kaum Penan perlu diberi peluang pendidikan yang berkualiti; dan
 - (ii) kaum Penan seharusnya menghantar anak-anak mereka ke sekolah.
- (d) Pihak Kerajaan harus mewujudkan lebih banyak lagi pusat perkhidmatan untuk kaum Penan.
- (e) Sistem penempatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk kaum Penan di Kampung Suai, Miri boleh digunakan sebagai model pembangunan kaum Penan.

3. Penternakan dan Pertanian yang kurang maju

Adalah pemerhatian SUHAKAM bahawa kaum Penan masih mundur dalam teknik penternakan dan pertanian.

SUHAKAM mengesyorkan bahawa:-

- (a) Pihak Kerajaan Negeri Sarawak melatih kaum Penan dalam teknik penternakan serta pertanian yang lebih maju dengan menghantar pegawai Jabatan Pertanian ke sesuatu penempatan kaum Penan.

4. Pendaftaran kelahiran dan hak mengundi

- Rombongan SUHAKAM telah mendapati bahawa terdapat segolongan kaum Penan yang tiada sijil kelahiran dan juga kad pengenalan.
- Kaum Penan juga telah menyuarakan kesal mereka kerana tidak berpeluang mengundi pada beberapa pilihan raya yang lalu.

SUHAKAM menegaskan bahawa mengundi adalah hak asasi manusia di dalam sebuah negara berdemokrasi. Hak untuk mengundi juga dijamin oleh Perkara 21 *Universal Declaration of Human Rights* yang menyatakan:-

- “1. *Everyone has the right to take part in the government of his country, directly or through freely chosen representatives.*
2. *Everyone has the right to equal access to public service in his country.*
3. *The will of the people shall be the basis of the authority of government; this will shall be expressed in periodic and genuine elections which shall be by universal and equal suffrage and shall be held by secret vote or by equivalent free voting procedures.”*

SUHAKAM mengesyorkan agar:-

- (a) Jabatan Pendaftaran Negara menghantar pegawainya ke penempatan kaum Penan sekurang-kurangnya 6 bulan sekali untuk memastikan mereka yang berkenaan mempunyai sijil kelahiran serta kad pengenalan dan untuk mendidik kaum Penan tentang prosedur-prosedur yang perlu diikuti supaya masalah ini tidak berulang lagi.
- (b) Suruhanjaya Pilihanraya seharusnya menghantar pegawainya ke penempatan kaum Penan sekurang-kurangnya 6 bulan sekali untuk memastikan kaum Penan didaftarkan sebagai pengundi.

BAB 5

ISU KAUM IBAN

Kaum Iban di Sarawak yang ditemui oleh rombongan SUHAKAM pada bulan Oktober/November 2001 terdiri daripada kaum Iban di sekitar Ulu Niah, Sarawak. Dua buah rumah panjang yang dilawati adalah:-

- (a) Rumah Busang; dan
- (b) Rumah Lajun.

Semasa lawatan ke kawasan yang terlibat, SUHAKAM telah dimaklumkan mengenai isu-isu berikut:-

1. Hak kaum Iban ke atas tanah adat dan adat berjalai

Isu utama yang dibangkitkan oleh kaum Iban yang ditemui ialah Kerajaan tidak mengiktiraf tanah adat dan juga adat berjalai mereka.

Kedua-dua perkampungan ini telah wujud sejak tahun 1976. Walaupun kaum Iban di sini telah mengemukakan beberapa permohonan kepada pihak kerajaan untuk mendapatkan pengiktirafan ke atas perkampungan dan ladang mereka, mereka tidak menerima sebarang jawapan.

Syarikat Sarawak Oil Palm Sdn. Bhd. (**SOP**) telah mendapat kebenaran dari pihak Kerajaan untuk memajukan kawasan pertanian kaum Iban sebagai sebuah kawasan penanaman kelapa sawit secara komersial. Ini telah menimbulkan pertikaian di antara penduduk dengan syarikat tersebut.

Kaum Iban telah membawa pertikaian tersebut ke Mahkamah Adat. Keputusan Mahkamah Adat memihak kepada kaum Iban. Mahkamah Adat telah memutuskan bahawa pekerja-pekerja SOP telah mencero bohi (*trespass*) kawasan penduduk Iban. Namun demikian, SUHAKAM dimaklumkan bahawa keputusan Mahkamah Adat tidak diendahkan oleh SOP kerana syarikat tersebut telah meneruskan projek tersebut.

Masalah yang dibangkitkan oleh kaum Iban ini mempunyai ciri-ciri yang sama dengan isu yang telah dibangkitkan oleh kaum Penan.⁹ Oleh itu, SUHAKAM mengulangi bahawa untuk menangani masalah ini, tiga faktor utama berikut harus diambil kira:-

- (a) Pihak kerajaan ingin membangunkan tanah adat kaum Iban dan ingin meningkatkan taraf hidup kaum Iban;
- (b) Kaum Iban berhak ke atas tanah adat mereka. Hak ini harus dihormati dan diberi pengiktirafan; dan
- (c) Kaum Iban inginkan pembangunan. Namun demikian, mereka berhak untuk menentukan keutamaan mereka sendiri dalam proses pembangunan.

Oleh itu, **SUHAKAM mengesyorkan bahawa:-**

- (a) Kaum Iban menghentikan pertikaian mereka dengan pihak Kerajaan dan syarikat penanaman komersial yang berkenaan.
- (b) Pihak Kerajaan dan syarikat penanaman komersial patut mengiktiraf, memahami dan menghormati perasaan kaum Iban berkaitan dengan isu tanah.
- (c) Sebelum sesuatu aktiviti pembangunan ingin dijalankan di kawasan yang melibatkan kaum Iban, satu kajian berkaitan dengan kesan sosial perlu dilaksanakan dan laporan mengenainya harus diambil kira.
- (d) Untuk situasi di mana sudah berlakunya pertikaian ekoran aktiviti penanaman komersial dan pembangunan, SUHAKAM menyeru agar kesemua pihak berunding untuk menyelesaikannya.
- (e) Sekiranya aktiviti penanaman komersial dan pembangunan perlu atau ingin dilaksanakan:-
 - (i) pampasan yang secukupnya menurut piawaian tempatan dan

⁹ Sila lihat Bahagian 1, Bab 4.

-
- antarabangsa patut dibayar kepada kaum Iban;
- (ii) satu kawasan khas harus dikekalkan sebagai kawasan tadahan air untuk menjamin bekalan air bersih yang berterusan dan untuk mencegah pencemaran air bersih yang lazimnya berlaku akibat aktiviti penanaman komersial;
 - (iii) sebahagian kawasan penempatan asal patut dikekalkan sebagai tanah hutan simpanan supaya kaum Iban dapat meneruskan usaha memburu binatang dan mengambil hasil hutan bagi dijadikan sumber makanan dan sumber ekonomi mereka;
 - (iv) jalan yang dibina untuk memudahkan penanaman komersial patut dijaga secara berterusan dan dinaikkan taraf dari masa ke semasa untuk memudahkan perjalanan harian kaum Iban.
- (f) Sekiranya kepentingan syarikat persendirian dan kaum Iban tidak dapat diselaraskan, badan pembangunan tanah negeri Sarawak seperti Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (**SALCRA**) patut mengambil alih pembangunan tanah tersebut.
- (g) Langkah kerajaan untuk memajukan kawasan pertanian di sekitar perkampungan kaum Iban hendaklah melibatkan masyarakat tersebut sama ada melalui konsep usaha sama antara kaum Iban dan agensi kerajaan atau lain-lain konsep kerjasama yang akan menguntungkan kedua-dua pihak.
- (h) Keputusan dan perintah Mahkamah Adat harus dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat.

2. Keadaan Encik Jalen @ Jalan ak Antom di Penjara Miri

Pertikaian di antara Iban dan SOP telah menyebabkan berlakunya empat kematian dan kecederaan kepada beberapa pekerja SOP. Encik Jalen @ Jalan ak Antom, seorang penduduk Rumah Lajun yang berumur 73 tahun telah dituduh menyebabkan kematian

tersebut. Beliau telah didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi Miri dan dijatuhi hukuman penjara selama 12 tahun.

Pada 14 Disember 2001, satu rombongan SUHAKAM telah melawat En. Jalen @ Jalan Ak Atom di Penjara Pusat di Miri dan mendapati bahawa beliau sedang menghidapi penyakit mata yang sungguh serius dan memerlukan pembedahan.

SUHAKAM telah menyarankan kepada pihak berkuasa Penjara Miri untuk menyediakan satu laporan untuk membolehkan pembedahan dilakukan ke atas mata En. Jalen dengan segera.

3. Pampasan yang terlalu rendah atau tertunggak

- SUHAKAM telah dimaklumkan bahawa akibat daripada pencerobohan ke kawasan ladang yang didakwa dimiliki oleh kaum Iban, wang pampasan sebanyak RM500.00 telah dibayar kepada setiap ketua keluarga. Ketua-ketua keluarga kaum Iban tidak berpuas hati dan rayuan berhubung dengan jumlah pampasan telah dibuat kepada Menteri yang bertanggungjawab dan juga kepada Jabatan Tanah dan Ukur. Sehingga kini tiada jawapan diterima.
- Sebagai tambahan, SOP juga dikatakan telah menawarkan sebidang tanah seluas lima ekar untuk setiap keluarga tetapi sehingga kini tiada sebarang keputusan dicapai.

SUHAKAM mengulangi bahawa sekiranya tanah adat Iban perlu diperolehi oleh pihak berkenaan atas alasan yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkuatkuasa, pampasan yang mencukupi perlu dibayar seperti yang diperuntukan dalam Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan serta peruntukan-peruntukan antarabangsa seperti *Article 16(4)* dan *Article 16(5) ILO Convention No. 169* dan *Article 10 Draft UN Declaration*.¹⁰

Oleh itu, **SUHAKAM mengesyorkan bahawa:-**

¹⁰ Lihat Bahagian 1, Bab 2.

- (a) Pihak Kerajaan membayar pampasan yang secukupnya menurut piawaiian tempatan dan antarabangsa kepada kaum Iban sekiranya hak kaum tersebut ke atas tanah adat mereka terjejas akibat aktiviti pembangunan dan penanaman komersial.
- (b) Pihak yang berkenaan harus memberi pampasan yang masih tertunggak kepada kaum Iban secepat mungkin.

BAB 6

MASALAH PENDUDUK DI BAHAGIAN HILIR EMPANGAN HIDROELEKTRIK BAKUN

Satu daripada memorandum yang diterima oleh SUHAKAM:-

- menyuarakan kebimbangan penduduk di bahagian hilir Empangan Bakun terhadap paras aliran air sungai yang menjadi punca utama mata pencarian hidup mereka.
- mengadu bahawa tragedi mungkin berlaku sekiranya empangan hidroelektrik Bakun mengalami kerosakan.
- mengadu bahawa penduduk di bahagian hilir empangan hidroelektrik Bakun tidak dibayar pampasan untuk tanaman mereka di tepi sungai yang telah dimusnahkan oleh pihak kerajaan.

Walaupun rombongan SUHAKAM tidak melawat masyarakat yang berkenaan, SUHAKAM telah membangkitkan isu-isu ini dengan pihak berkuasa yang mengawal selia projek pembinaan empangan hidroelektrik Bakun semasa perbincangan dan lawatannya.

Pihak tersebut telah menegaskan bahawa:-

- (a) paras aliran sungai akan dikawal supaya kekal pada paras yang mencukupi untuk kegunaan masyarakat di hilir empangan; dan
- (b) kemungkinan berlaku kerosakan ke atas empangan Bakun adalah sangat kecil dan jika berlaku, perancangan keselamatan akan disediakan.

SUHAKAM menge syorkan bahawa:-

- (a) Berdasarkan keyakinan yang telah diberi oleh pihak berkuasa Bakun, penduduk di bahagian hilir empangan hidroelektrik Bakun tidak perlu bimbang tentang paras aliran air sungai yang berdekatan dan sekiranya terdapatnya masalah, penghuni-penghuni di situ seharusnya memaklumkan pihak berkuasa Bakun untuk tindakan selanjut mereka secepat mungkin.
- (b) Pihak berkuasa Bakun harus mengadakan sesi penerangan dengan penduduk di bahagian hilir empangan hidroelektrik Bakun dan menjelaskan langkah-langkah keselamatan yang harus dipatuhi sekiranya berlaku sebarang kerosakan terhadap empangan tersebut.
- (c) Pihak berkenaan harus membayar pampasan untuk tanaman yang terpaksa ditinggalkan oleh penduduk di bahagian hilir empangan hidroelektrik Bakun akibat penghijrahan mereka ke kawasan baru.

BAB 7

RUMUSAN

1. Pengenalan

Daripada lawatan rombongan SUHAKAM ke tempat-tempat yang berkenaan serta perbincangan dan dialog bersama agensi kerajaan dan bukan kerajaan, SUHAKAM telah mengenalpasti beberapa kebimbangan (*concern*) masyarakat asli yang berkaitan dengan hak-hak asasi yang berikut:-

- hak ke atas tanah dan sumber;
- hak untuk pampasan yang mencukupi;
- hak untuk menentukan arah tuju kehidupan;
- hak untuk kemudahan asas;
- hak untuk menampung hidup;
- hak kewarganegaraan; dan
- hak keselamatan.

Kebimbangan tersebut jika tidak diambil kira akan menjadi suatu isu dan sekiranya tidak ditangani dengan sewajarnya, isu tersebut akan berkembang menjadi suatu masalah bagi semua pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung.

SUHAKAM sedar bahawa kebimbangan yang dibangkitkan bukan perkara yang baru dan pihak berkuasa sememangnya peka tentang kebimbangan tersebut. SUHAKAM juga mengakui bahawa pelbagai usaha telah diambil oleh pihak Kerajaan melalui agensinya untuk membantu masyarakat asli di Sarawak. Namun demikian daripada siasatan SUHAKAM didapati bahawa beberapa kebimbangan perlu ditangani untuk memastikan hak masyarakat asli Sarawak terjamin.

2. Hak asasi masyarakat asli

Hak masyarakat asli diperuntukkan di dalam perundangan tempatan serta antarabangsa. Peruntukan perundangan tersebut adalah seperti berikut:-

(a) Perlembagaan Persekutuan

Peruntukan yang berkenaan adalah Bahagian II Perlembagaan Persekutuan, terutamanya Perkara 13 yang berkaitan dengan hak terhadap harta dan pampasan yang mencukupi.

(b) Perisytiharaan Sejagat Hak Asasi Manusia 1948

Peruntukan yang berkenaan adalah:-

- Perkara 3 – Hak untuk nyawa, kebebasan diri dan keselamatan.
- Perkara 15 – Hak kewarganegaraan.
- Perkara 17 – Hak terhadap harta.
- Perkara 21 – Hak untuk mengundi.
- Perkara 23(1) – Hak untuk bekerja.
- Perkara 25 – Hak untuk taraf hidup yang sempurna.
- Perkara 26 – Hak untuk pendidikan.
- Perkara 27 – Hak untuk mengamali budaya masyarakat.
- Perkara 29 – Hak untuk perkembangan sahsiah.

(c) Konvensyen Organisasi Buruh Antarabangsa (No. 169) Mengenai Orang Asal dan Suku Kaum Negara Bebas

Konvensyen No. 169 ini mempercayai bahawa budaya dan institusi orang asal dan suku kaum harus dihormati. Mereka mempunyai hak untuk mengekalkan identiti mereka dalam masyarakat kebangsaan, menubuhkan institusi sendiri dan menentukan hala tuju pembangunan untuk diri sendiri. Konvensyen No. 169 juga menyarankan supaya kerajaan berunding dengan masyarakat asli dalam hal-hal perundangan dan pentadbiran yang melibatkan mereka secara langsung dan juga menubuhkan mekanisme untuk melibatkan mereka dalam membuat keputusan mengenai polisi dan program yang berkaitan dengan mereka.

Peruntukan-peruntukan yang penting dalam Konvensyen ini adalah:-

- Perkara 4 - Keperluan untuk kerajaan untuk mengambil langkah yang khas untuk melindungi hak masyarakat asli.

- Perkara 5 - Keperluan untuk kerajaan untuk mengenali dan menghormati nilai dan amalan sosial, budaya dan kerohanian masyarakat asli.
- Perkara 6 – Keperluan kerajaan untuk berunding dengan masyarakat asli dalam semua perkara yang berkaitan dengan mereka.
- Perkara 7 – Hak masyarakat asli menentukan pilihan/keutamaan mereka sendiri dan tanggungjawab pihak Kerajaan melindungi alam sekitar masyarakat asli.
- Perkara 8 – Keperluan untuk undang-undang kebangsaan yang mengiktiraf adat suku kaum dan undang-undang adat.
- Perkara 13 - Keperluan untuk penghormatan terhadap perhubungan di antara kejiwaan dan kebudayaan masyarakat asli dan tanah mereka.
- Perkara 14 - Keperluan untuk pengiktirafan hak milik tanah yang didiami oleh masyarakat asli secara tradisi dan mengadakan satu sistem bagi menyelesaikan sebarang pertikaian.

Walaupun Malaysia masih belum meratifikasikan Konvensyen ini, Kerajaan patut menggunakan Konvensyen ini sebagai garis panduan dalam pengurusan hal ehwal masyarakat asli.

(d) Deraf Perisytiharaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Masyarakat Asli

Deraf pengistiharan ini meliputi hak dan kebebasan asasi yang berkaitan dengan masyarakat asli termasuklah:-

- Hak untuk melindungi dan memperkembangkan ciri-ciri budaya dan identiti yang khusus mereka;
- Hak untuk memiliki dan menggunakan tanah tradisional dan sumber asli;
- Hak berkaitan agama, bahasa dan pendidikan;

- Hak untuk mengambil bahagian di dalam hal ehwal politik, ekonomi dan sosial di dalam masyarakat di mana masyarakat asli hidup; dan
- Hak untuk menentukan hala tuju kehidupan sendiri dan untuk mengawal hal ehwal yang berkenaan dengan masyarakat asli (*right to self-determination and to self-government in matters related to indigenous affairs*).

3. Syor-syor SUHAKAM

Berdasarkan dapatan siasatan SUHAKAM dan selaras dengan hak masyarakat asli yang telah diiktirafkan dalam Perlembagaan Persekutuan serta suratcara-suratcara antarabangsa, SUHAKAM mencadangkan bahawa pihak Kerajaan (sama ada Kerajaan Persekutuan dan/atau Kerajaan Negeri Sarawak), masyarakat asli dan pihak lain yang berkenaan mengambil tindakan seperti berikut:-

(a) Pengiktirafan hak masyarakat asli ke atas tanah dan sumber

SUHAKAM sedar bahawa perundangan negeri Sarawak sememangnya mengiktirafkan hak masyarakat asli ke atas tanah dan sumber. Namun demikian, SUHAKAM berpendapat bahawa perundangan negeri Sarawak perlu diperbaharui untuk memastikan hak masyarakat asli lebih terjamin dan diselaraskan mengikut prinsip yang menghormati hak asasi manusia termasuk prinsip berikut:-

- peruntukan perundangan menghormati serta melindungi hak masyarakat asli ke atas tanah, kawasan dan sumber supaya hak tersebut dilindungi oleh undang-undang;
- peruntukan perundangan menghormati adat istiadat dan adat hak milik tanah masyarakat asli. Sesuatu kawasan yang didiami oleh masyarakat asli hanya akan dibangunkan setelah perundingan diadakan dengan masyarakat asli dan setelah persetujuan masyarakat asli yang berkenaan didapati;

-
- peruntukan perundangan memastikan bahawa hak masyarakat asli tidak boleh dicanggahi dengan sewenang-wenangnya oleh mana-mana pihak dan tanpa melalui proses undang-undang; dan
 - peruntukan perundangan harus memastikan bahawa hak-hak serta perlindungan undang-undang masyarakat asli ke atas tanah tidak akan berkurangan atau dinafikan atas alasan bahawa hak milik atau kepentingan lain dipegang secara bersama atau dipegang oleh sekumpulan orang masyarakat asli dan bukannya oleh individu.

Dengan itu, **SUHAKAM mengesyorkan agar:-**

- (i) pihak Kerajaan menubuhkan suatu jawatkuasa pembaharuan perundangan di Kamar Peguam Besar Negeri untuk:-
 - mengkaji undang-undang yang mungkin mengurangkan hak masyarakat asli ke atas tanah dan sumber. Suatu panduan tentang undang-undang yang boleh ditafsirkan yang mengurangkan hak masyarakat asli ke atas tanah dan sumber boleh didapati di dalam kes Mahkamah Tinggi *Nor Anak Nyawai & Ors v Borneo Pulp Plantation Sdn Bhd & Ors* [2001] 6 MLJ 241;
 - membuat kajian untuk mengkanunkan adat-adat masyarakat asli kepada hal-hal berkaitan dengan tanah dan sumber serta tidak hanya merangkumi hal-hal yang berkaitan dengan adat istiadat masyarakat asli sepertimana yang telah dibuat untuk kaum Iban di dalam *Adat Iban Order 1993*, kaum Bidayuh di dalam *Adat Bidayuh Order* dan kaum Kayan-Kenyah dalam *Adat Kayan-Kenyah Order 1994*;
 - mengkaji lain-lain perundangan serta tatacara pentadbiran yang berkaitan dengan hak masyarakat asli ke atas tanah dan sumber.

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, jawatankuasa tersebut haruslah mengambil kira dasar perikemanusiaan.

- (ii) Pihak Kerajaan mengambil tindakan segera untuk mengeluarkan surat hak milik tanah atau lain-lain dokumen yang berkenaan kepada mereka yang berhak. Mereka yang berkenaan termasuk mereka yang telah menetap di sesebuah tanah sebelum 1958.
- (iii) Pihak Kerajaan harus menggunakan budi bicara dan perikemanusiaan untuk mengeluarkan surat hak milik kepada masyarakat asli yang tidak memenuhi syarat atau mempunyai kelayakan untuk memiliki tanah di bawah *Sarawak Land Code* 1958 tetapi telah menduduki di tanah Kerajaan untuk tempoh sekurang-kurangnya selama 20 tahun sebelum tahun 2002.

(b) Pemberian pampasan yang mencukupi

SUHAKAM sedar bahawa perundangan negeri Sarawak berkenaan dengan kadar pampasan yang perlu dibayar untuk perolehan tanah oleh pihak kerajaan adalah komprehensif. Namun demikian didapati bahawa masih terdapat masalah tentang mekanisme pembayaran pampasan.

Oleh itu, **SUHAKAM mengesyorkan bahawa** pihak berkuasa mengkaji semula mekanisme pembayaran pampasan supaya mekanisme tersebut adalah adil, telus dan berasas kepada piawai tempatan dan antarabangsa.

(c) Pengiktirafan hak masyarakat asli untuk menentukan hala tuju kehidupan

SUHAKAM sedar dan memuji dasar kerajaan untuk membangunkan masyarakat asli. Daripada siasatan SUHAKAM, didapati masyarakat asli juga inginkan pembangunan tersebut dan ingin terlibat dalam perancangan pembangunan.

Untuk menjayakan projek pembangunan masyarakat asli, **SUHAKAM mengesyorkan bahawa:-**

- (i) Pihak kerajaan harus memberi maklumat yang secukupnya mengenai sesuatu projek pembangunan kepada masyarakat asli yang terlibat

supaya mereka dapat membuat keputusan yang termaklum (*informed decision*).

- (ii) Pihak kerajaan harus mengadakan perundingan dengan masyarakat asli yang berkenaan untuk mengenalpasti keperluan dan keinginan masyarakat tersebut dan bukan setakat bermesyuarat untuk memberi maklumat kepada mereka sahaja.
- (iii) Pihak kerajaan harus mengakomodasikan keperluan dan keinginan serta menghormati pilihan yang dibuat oleh masyarakat asli dalam pelaksanaan projek pembangunan.
- (iv) Pihak kerajaan harus memastikan penyertaan masyarakat asli di dalam setiap tahap projek pembangunan yang melibatkan mereka.

(d) Penyediaan kemudahan asas

SUHAKAM sedar bahawa pihak kerajaan sememangnya menyediakan kemudahan asas seperti perkhidmatan pendidikan dan kesihatan untuk masyarakat asli. Namun demikian, didapati bahawa terdapat beberapa penempatan masyarakat asli yang tidak mempunyai kemudahan asas dan didapati juga kekurangan kemudahan asas di beberapa kawasan penempatan masyarakat asli.

SUHAKAM mengesyorkan bahawa:-

- (i) Kemudahan Pendidikan:-
 - pihak Kerajaan seharusnya memastikan bahawa hak masyarakat asli untuk pendidikan terjamin. Semua anak masyarakat asli perlu diberi peluang pendidikan yang berkualiti; dan
 - masyarakat asli harus memastikan anak-anak mereka berilmu dengan menghantar mereka ke bersekolah.
- (ii) Kemudahan Kesihatan:-

-
- pihak Kerajaan menubuhkan infrastruktur kesihatan untuk masyarakat asli;
 - pihak Kerajaan meneruskan khidmat *The Flying Doctor Service* di kawasan pedalaman dan meningkatkan kekerapan khidmat ini; dan
 - masyarakat asli harus menerima dan mematuhi nasihat pegawai perubatan dan kesihatan.
- (iii) Kemudahan jalan raya:-
- pihak Kerajaan harus memastikan bahawa jalan yang menghubungkan satu kawasan perkampungan dengan kawasan perkampungan yang lain dan juga dengan pusat bandar berada dalam keadaan yang sempurna secepat mungkin; dan
 - pihak Kerajaan harus memastikan bahawa jalan pembalakan dikawal selia untuk memudahkan perhubungan masyarakat asli di kawasan pedalaman.
- (iv) Kemudahan bekalan air:-
- pihak Kerajaan harus memastikan bahawa kerja pembalakan dan penanaman komersial tidak mencemarkan sumber bekalan air bersih masyarakat asli;
 - pihak Kerajaan harus memastikan kerja kawal selia loji pembersihan air dijalankan dengan sempurna di penempatan masyarakat asli yang mempunyai loji pembersihan air untuk memastikan kualiti bekalan air sentiasa bersih dan selamat; dan
 - masyarakat asli harus menghentikan amalan menyalurkan bahan buangan dari rumah ke sungai yang berdekatan.

-
- (v) pihak Kerajaan harus mewujudkan pusat perkhidmatan di penempatan masyarakat asli yang tiada kemudahan tersebut.

(e) Penyediaan peluang untuk menampung hidup

Terdapat masyarakat asli yang berasa sukar untuk menampung hidup seharian mereka, terutamanya mereka yang ditempatkan di kawasan penempatan semula. Oleh yang demikian SUHAKAM mengesyorkan bahawa:-

- (i) Memberi bantuan dari segi pertanian:-
- Pihak kerajaan harus menempatkan pegawai pertanian yang terlatih di kawasan masyarakat asli untuk melatih dan membantu masyarakat asli untuk meningkatkan taraf hidup; dan
 - Masyarakat asli harus sanggup dilatih untuk menggunakan teknik pertanian yang lebih berkesan.
- (ii) Menyediakan peluang pekerjaan:-
- Pihak kerajaan dan sektor swasta harus memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat asli dengan memberi latihan khas termasuk latihan pemahaman etika dan syarat pekerjaan; dan
 - Pihak kerajaan dan sektor awam harus memberi masyarakat asli tempoh peralihan (*transitional period*) untuk menyesuaikan diri sebagai seorang pekerja sambil lewa kepada seorang pekerja yang lebih berdisiplin.

(f) Pemberian hak kewarganegaraan

Setiap rakyat mempunyai hak untuk mempunyai sijil beranak, kad pengenalan dan hak untuk mengundi.

SUHAKAM mengesyorkan bahawa:-

- (i) Sijil beranak dan kad pengenalan:-

- Jabatan Pendaftaran Negara menghantar pegawainya ke kawasan masyarakat asli sekurang-kurangnya 6 bulan sekali untuk memastikan mereka mendaftar kelahiran anak dan juga memohon kad pengenalan; dan
 - Masyarakat asli mesti berusaha mendaftar setiap kelahiran anak mereka dan juga untuk memohon kad pengenalan.
- (ii) Hak untuk mengundi:-
- Suruhanjaya Pilihanraya seharusnya memastikan masyarakat asli didaftarkan sebagai pengundi dan menyediakan kemudahan bagi membolehkan mereka membuang undi semasa pilihanraya ; dan
 - Masyarakat asli patut mempergunakan hak untuk mengundi mereka semasa pilihanraya.

(g) Penjaminan Keselamatan

Setiap kawasan masyarakat asli perlu ada pegawai keselamatan dan kecemasan yang terlatih untuk menjamin keselamatan penghuni.

SUHAKAM mengesyorkan bahawa:-

- (i) Pihak kerajaan menyediakan perkhidmatan keselamatan dan kecemasan yang selaras dengan jumlah penghuni dan keadaan persekitarannya.
- (ii) Pihak kerajaan harus melatih tenaga sukarelawan dari kalangan masyarakat asli yang tinggal di kawasan pendalaman untuk menampung keperluan keselamatan dan kecemasan masyarakat.

4. KESIMPULAN

Kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan negeri dan rakyatnya. Selaras dengan tanggungjawab ini, sejak kemerdekaan, pihak kerajaan dan agensinya telah mengambil pelbagai usaha untuk membangunkan negeri Sarawak pada amnya

dan masyarakat asli pada khususnya. Usaha-usaha yang diambil berkenaan dengan masyarakat asli termasuk pembangunan tanah adat mereka dan penyediaan kemudahan pendidikan dan kesihatan untuk masyarakat tersebut.

Hasil daripada usaha-usaha tersebut, negeri Sarawak telah membangun dengan pesat dari segi ekonomi, sosial dan kebudayaan. Dari segi ini, SUHAKAM mengambil maklum pencapaian pihak kerajaan negeri Sarawak membangunkan tanah adat masyarakat asli melalui agensinya seperti Unit Perancangan Ekonomi Negeri, PELITA, SALCRA dan SLDB.

Namun demikian, secara tidak sengaja, wujudnya jurang yang ketara di antara masyarakat umum dan segolongan masyarakat asli Sarawak. Memandangkan wujudnya jurang ini, hak masyarakat asli perlu diberi perhatian yang khas.

SUHAKAM membuat pengamatan bahawa terdapatnya perbezaan di antara pandangan dan pemahaman masyarakat asli tentang hak dan adat mereka dan perundangan negeri yang sebenarnya mengawal hak milik tanah adat seperti Kanun Tanah Sarawak dan undang-undang lain yang berkaitan adat masyarakat asli (*Customary Laws*).

Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan seharusnya, semasa merangka dan menguatkuasakan undang-undang, peraturan dan polisi, menyedari tentang wujudnya suratcara dan pengisytiharan antarabangsa yang berkaitan dengan hak masyarakat asli.

Pada masa yang sama, masyarakat asli juga harus memahami bahawa dalam menikmati hak asasi, ianya perlu berlandaskan undang-undang dan perlu mengimbangkan hak dan tanggungjawab semua pihak yang terlibat.

SUHAKAM berharap semua pihak - pihak kerajaan, agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dan masyarakat asli - akan mengambil berat syor-syor yang terkandung di dalam laporan ini. SUHAKAM juga berharap kesemua pihak ini akan terlibat sama secara positif dan membina dengan satu tujuan untuk membangunkan negeri dan rakyat tanpa meninggalkan kesan sebaliknya ke atas hak asasi semua yang terlibat, keselamatan negara dan alam sekitar.

LAMPIRAN 1

KRONOLOGI LAWATAN ROMBONGAN SUHAKAM

27 Oktober 2001

Ahli-ahli rombongan SUHAKAM tiba di Miri, Sarawak. Taklimat dan perbincangan dengan pegawai dari Syarikat Penerbangan Hornbill Skyways Sdn. Bhd. telah diadakan sebagai persiapan sebelum memulakan perjalanan ke kawasan pendalaman Sarawak.

28 Oktober 2001

Memulakan perjalanan menaiki helikopter menuju ke Daerah Marudi, Bahagian Kapit Sarawak. Singgah sebentar di Long Lellang iaitu penempatan kaum Bidayuh, Ba Abang dan seterusnya bermalam di Ba Penggaran, Belaga, Bahagian Kapit Sarawak. Di sebelah malamnya mengadakan taklimat dan dialog bersama-sama dengan 22 ketua kampung atau wakil ketua kampung kaum Penan dari kawasan sekitar Ba Penggaran.¹¹ Sejumlah 272 penduduk hadir untuk mendengar taklimat dan sesi dialog tersebut.

Kawasan Ba Penggaran didiami oleh 30 keluarga Kaum Penan dari suku Serungguh sejak lebih kurang enam tahun yang lalu. Sebelum itu, kumpulan ini telah hidup secara berpindah randah dari satu tempat ke satu tempat sehingga mereka menetap di Ba Penggaran yang bersempadan dengan Ba Jo - satu penempatan masyarakat asli dari Suku Kayan.

Rombongan SUHAKAM dimaklumkan bahawa mengikut bancian pada tahun 90an, terdapat lebih kurang 100 penempatan di sekeliling Ba Penggaran dengan penduduknya melebihi 10,000 orang. Selain memburu binatang dan mengambil hasil-hasil hutan, keramaian kaum Penan yang telah menetap di kawasan sekitar telah mula bercucuk tanam seperti menanam padi huma dan juga menanam rotan.

¹¹ Senarai Ketua-ketua dan Wakil Penduduk Kaum Penan di Perkampungan Penan Ba Penggaran Yang Mengemukakan Aduan Semasa Sesi Dialong terkandung dalam Lampiran 1(1).

29 Oktober 2001

Mengadakan temu bual dengan penduduk-penduduk di Long Lellang, Long Sait, Long Krong dan Ba Abang. Perbincangan seterusnya dibuat dengan pegawai-pegawai dari Syarikat Pembalakan Samling Sdn Bhd di *Samling Central Base Camp*. Satu lawatan ke kawasan pembalakan yang terletak bersebelahan dengan Ba Penggaran juga telah dibuat untuk melihat akibat pembalakan, pembinaan jalan pembalakan dan kesan pembalakan terhadap sungai dan alam sekitar.

Meneruskan perjalanan dan bermalam di perkampungan Long Kevok. Di sebelah malamnya mengadakan taklimat dan dialog bersama-sama dengan 15 ketua kampung atau wakil ketua kampung kaum Penan dari sekitar kawasan Long Kevok.¹²

Long Kevok merupakan kawasan penempatan semula. Penempatan semula ini berupa sebuah rumah panjang yang telah dibina pada tahun 1989. Ia didiami oleh seramai 24 keluarga. Bancian pada tahun 1998 mendapati bahawa terdapat seramai 112 orang penghuni di rumah panjang ini.

Long Kevok merupakan pusat perkhidmatan untuk kaum Penan. Ia mengandungi sebuah sekolah rendah berasrama, sebuah klinik desa dan juga sebuah pejabat pertanian. Pusat perkhidmatan ini telah beroperasi sejak tahun 1991.

30 Oktober 2001

Mengadakan lawatan ke Pusat Perkhidmatan Long Kevok di mana terdapatnya sebuah sekolah rendah berasrama, klinik desa dan juga pejabat pertanian.

Meneruskan perjalanan. Singgah di perkampungan Long Bee, Long San sebelum mengadakan sesi dialog dengan Encik Bujang Bin Haji Bidin, Pegawai Daerah Marudi, di pejabat pembangunan Penempatan Semula Sungai Asap.

¹² Senarai Ketua-ketua dan Wakil Penduduk Kaum Penan di Long Kevok yang hadir terkandung dalam Lampiran 1(2).

Satu taklimat berhubung dengan perkembangan pembangunan di kawasan Penempatan Semula Sungai Asap Belaga telah diberikan oleh Encik Bujang Bin Haji Bidin di Pusat Komuniti 1 Penempatan Sungai Asap. Taklimat ini turut dihadiri oleh Encik Liman Numpang dari Unit Perancang Ekonomi Sarawak dan Encik Albania Linus dari Jabatan Pertanian Sarawak.

Penempatan semula masyarakat asli di Kawasan Penempatan Semula Sungai Asap, Belaga melibatkan seramai lebih kurang 9,500 masyarakat asli yang terdiri daripada kaum Kenyah, Kayan, Lahanan, Ukit dan Penan.

Proses penempatan semula mengandungi 3 fasa seperti berikut:-

- (a) Ops Exodus I – melibatkan 6 rumah panjang (644 keluarga) bermula dari 15/9/98 – 28/9/98. Rumah panjang tersebut ialah *Uma Ukit, Uma Lesong, Uma Badang, Uma Belor, Uma Daro dan Uma Nyaving*.
- (b) Ops Exodus II – melibatkan 4 rumah panjang (580 keluarga) bermula dari 2/3/99 – 20/4/99. Rumah panjang yang terlibat ialah *Uma Kelap, Uma Kulit, Uma Bakah dan Uma Balui Ukap*.
- (c) Ops Exodus III – melibatkan 4 rumah panjang (246 keluarga) bermula dari 18/5/99 – 21/6/99. Rumah panjang yang terlibat ialah *Uma Bawang, Uma Balui, Uma Penan Talun dan Uma Lahanan*.

Rombongan SUHAKAM seterusnya telah melakukan lawatan ke keseluruhan kawasan Penempatan Semula Sungai Asap dan telah bermalam di Perumahan Uma Lesong iaitu kawasan penempatan semula suku kaum Kayan. Satu majlis taklimat dan dialog bersama-sama dengan 15 ketua rumah panjang dan wakil-wakil mereka telah diadakan.¹³

¹³ Senarai ketua-ketua kaum masyarakat asli dan wakil penduduk adalah seperti di Lampiran 1(3).

31 Oktober 2001

Meneruskan perjalanan dengan mengadakan lawatan ke sekitar kawasan Penempatan Semula Sungai Asap. Mengadakan lawatan ke rumah panjang Uma Juman, Uma Kodit, Pusat Kesihatan Sungai Koyan Dua, Belaga dan Sekolah Rendah Kerajaan Sungai Koyan Dua. Singgah di kawasan pembinaan Projek Hidroelektrik Bakun dan mendengar taklimat daripada Jurutera Residen, Encik Wan Mohd. Suut bin Wan Moss.

Rombongan SUHAKAM dimaklumkan bahawa perbincangan untuk membina sebuah empangan hidroelektrik di Bakun telah bermula lebih 30 tahun yang lepas. Sekiranya rancangan ini berjaya, empangan ini akan merupakan yang terbesar di Asia Tenggara yang mana memakan kos pembinaan sebanyak RM7 bilion dan merupakan yang termahal. Empangan ini dijangka akan dapat menghasilkan 2,400 megawatt elektrik dan mampu menampung seluruh Kepulauan Borneo termasuk Semenanjung Malaysia menerusi kabel bawah permukaan laut sejauh 650 km.

Empangan ini terletak di Batang Balui di bahagian utara Sungai Rejang di mana terletak 37 km daripada Belaga. Keluasan pembinaan ini ialah 2.86 km² dan dapat dihubungi melalui jalan darat daripada Bandar Bintulu. Pembinaan empangan Bakun mengakibatkan penempatan semula penduduk di situ - seramai lebih kurang 9,500 penduduk masyarakat asli yang terdiri daripada masyarakat kaum Kenyah, Kayan, Lahanan, Ukit dan Penan.

Rombongan SUHAKAM telah dimaklumkan bahawa projek hidroelektrik Bakun telah dimulakan pada tahun 1994. Penempatan semula telah bermula pada tahun 1998, tetapi ada segolongan masyarakat asli yang tidak mahu berpindah.

Fasa pertama projek tersebut merupakan pembinaan tiga buah terowong. Kontrak secara pengswastan bagi pembinaan terowong tersebut telah diberikan kepada *Bakun Hydroelektrik Corporation*. Berikutan dengan kelembapan ekonomi serantau, pembinaan terowong tersebut telah terlewat dan seterusnya telah diambil alih oleh Kerajaan pada tahun 1998.

SUHAKAM dimaklumkan bahawa pada masa kini peratus kemajuan bagi keseluruhan projek adalah kurang dari sepuluh peratus dan projek empangan dijangka akan disempurnakan sepenuhnya pada tahun 2007 atau awal tahun 2008.

Pembinaan empangan ini telah menimbulkan banyak kontroversi kerana empangan ini boleh membanjiri kawasan sekitar 700 km persegi sekiranya berlaku sebarang trajedi ke atas empangan tersebut. Pembinaan ini telah tertangguh beberapa kali.¹⁴

Meneruskan perjalanan ke perkampungan Long Lawen, Long Jawe dan bermalam di perkampungan Long Buko.

Kawasan hulu Sungai Balui dikatakan tidak akan tenggelam berikutan pembinaan empangan bagi projek hidroelektrik Bakun.

Penduduk di sekitar Sungai Balui ini merupakan penduduk yang enggan berpindah ataupun mereka ini berpindah ke hulu Sungai Balui atau ke kawasan-kawasan baru yang mereka jangkakan tidak akan ditenggelami air berikutan pembinaan empangan tersebut.

Majlis taklimat dan dialog bersama-sama dengan ketua-ketua kaum atau wakil-wakil mereka telah diadakan dalam lawatan ke penempatan-penempatan di atas. Rombongan SUHAKAM seterusnya telah bermalam di rumah Encik Bato Bagi iaitu Ketua Kampung bagi perkampungan Long Buko, hulu Sungai Balui, Belaga.

Keputusan untuk tidak berpindah ke Penempatan Semula Sungai Asap dan sebaliknya memilih untuk membina hidup baru di kawasan pilihan sendiri di hulu Sungai Balui dibuat kerana mereka tidak yakin yang kehidupan di kawasan Penempatan Semula Sungai Asap akan membawa perubahan-perubahan yang lebih baik seperti yang dijanjikan. Selain daripada itu, mereka percaya bahawa mereka mempunyai hak untuk menentukan hala tuju masa hadapan mereka.

¹⁴ Kronologi pembinaan empangan tersebut adalah seperti di Lampiran 1(4).

1 November 2001

Meneruskan perjalanan ke Daerah Miri iaitu ke penempatan suku kaum Iban di Ulu Niah. Rombongan SUHAKAM telah menemu bual Tuai Rumah Busang dan Tuai Rumah Lajun. Bermalam di perkampungan rumah panjang Lajun dan di sebelah malamnya mengadakan taklimat dan sesi dialog dengan wakil-wakil kaum Iban di sekitar Miri dan juga Sibul, Sarawak.

2 November 2001

Meneruskan perjalanan menuju ke Kampung Suai, Miri, Sarawak iaitu kawasan penempatan masyarakat asli dari suku kaum Penan. Satu sesi taklimat dan dialog telah diadakan dengan Datuk Hassan Suai yang mewakili penduduk-penduduk kampung tersebut.

Kampung Suai adalah kawasan penempatan kaum Penan yang berasal dari Ulu Kapit, Belaga yang telah berpindah randah sejak 200 tahun yang lalu. SUHAKAM dimaklumkan bahawa kaum Penan ini akhirnya menetap di kawasan tersebut pada tahun 1971 bersama-sama 30 keluarga. Pada masa ini terdapat sebanyak 98 keluarga dengan jumlah penduduk seramai 444 orang dengan kawasan tanah simpanan seluas 8000 ekar yang diperuntukkan oleh pihak kerajaan negeri Sarawak.

SUHAKAM telah dimaklumkan bahawa sejumlah 5,000 ekar dari kawasan tersebut telah ditanam dengan tanaman kelapa sawit iaitu secara usaha sama dengan Lembaga Pembangunan Tanah Sarawak (**SLDB**). SLDB dikatakan memiliki 70% pegangan saham manakala 30% dimiliki oleh penduduk setempat. Perjanjian tersebut telah dimeterai untuk tempoh 60 tahun. Keramaian penduduk di kawasan tersebut bekerja di ladang kelapa sawit tersebut dengan pendapatan di sekitar RM 12.00 hingga RM 13.00 sehari.

Kawasan selebihnya iaitu seluas 3,000 ekar telah dibahagikan kepada penduduk dengan kawasan seluas lebih kurang 30 ekar bagi setiap keluarga yang mana dikekalkan sebagai kawasan simpanan untuk kaum Penan bagi digunakan untuk menanam pokok buah-buahan dan tanaman lain.

Terdapat sebuah sekolah rendah berasrama di Kampung tersebut manakala sekolah menengah yang terdekat adalah lebihkurang 32 km dari Kg. Suai.

Rombongan SUHAKAM menamatkan siri lawatan dan bermalam di Miri, Sarawak.

3 November 2001

Rombongan SUHAKAM bertolak balik ke Kuala Lumpur.

LAMPIRAN 1(1)**SENARAI KETUA KAMPUNG DAN WAKIL MASYARAKAT PENAN DI SEKITAR
KAWASAN BA PENGARAN YANG MENGEMUKAKAN ADUAN SEMASA
SESI DIALOG**

- | | | | |
|-----|--------------------------|---|---------------|
| 1. | Encik Bilong Oyoi | - | Long Sait |
| 2. | Encik Jawa Nipan | - | Long Ajing |
| 3. | Encik Damai Irang | - | Ba Abang |
| 4. | Encik Lole Mirai | - | Long Lang |
| 5. | Encik Ala Beling | - | Long Belok |
| 6. | Encik Wan Sopie | - | Long Lateh |
| 7. | Encik Ngoi Lowin | - | Long Nen |
| 8. | Encik Sungei Malau | - | Long Krong |
| 9. | Encik T.K. Sound | - | Long Benalih |
| 10. | Encik Balang Toi | - | Long Laman |
| 11. | Encik Tony Bujan | - | Pengaran Iman |
| 12. | Wakil Kampung Long Balan | | |

LAMPIRAN 1(2)**SENARAI KETUA KAMPUNG DAN WAKIL MASYARAKAT PENAN DI SEKITAR
KAWASAN LONG KEVOK YANG MENGHADIRI SESI DIALOG**

- | | | | |
|-----|--------------------|---|--------------|
| 1. | Encik Seman Ngang | - | Long Kevok |
| 2. | Encik Din Murang | - | Long Lang |
| 3. | Encik Phlip Jeling | - | Long Nen |
| 4. | Encik Rado Kurau | - | Long Merean |
| 5. | Encik Ting Gadang | - | Long Kawah |
| 6. | Encik Ajan Peng | - | Long Lateh |
| 7. | Encik Tajan Anyek | - | Long Latin |
| 8. | Encik Sapoh Lawai | - | Long Kawi |
| 9. | Encik Lapong | - | Long Lilin |
| 10 | Encik Ungat Yong | - | Long Sean |
| 11. | Encik Ajan Kel | - | Long Lateh |
| 12. | Encik Nyipak | - | Long Melapeh |
| 13. | Encik Marong | - | Long Pulin |
| 14. | Encik Wek | - | Long Itam |
| 15. | Encik Ajang Kiew | - | Long Sayan |

LAMPIRAN 1(3)**SENARAI KETUA KAMPUNG DAN WAKIL PENDUDUK KAWASAN PENEMPATAN
SEMULA SUNGAI ASAP YANG MENGHADIRI SESI DIALOG**

- | | | | |
|-----|---------------------|---|----------------|
| 1. | Encik Huvat Laing | - | Uma Lesong |
| 2. | Encik Rajal | - | Uma Ukit |
| 3. | Encik Awie | - | Uma Daro |
| 4. | Encik James Lawai | - | Uma Badang |
| 5. | Encik Richard Inang | - | Uma Lahanang |
| 6. | Encik Niku Loyang | - | Balai Liko |
| 7. | Encik Ujang Bago | - | Uma Bawang |
| 8. | Encik Niru Magoi | - | Wakil Penan |
| 9. | Encik Osek Udong | - | Uma Kulit |
| 10. | Encik Lawing Luat | - | Uma Bakar |
| 11. | Encik Lejal Lian | - | Long Bala |
| 12. | Encik Balan Dato' | - | Uma Baloi Ukap |
| 13. | Encik Wing Miku | - | Uma Nyaving |
| 14. | Wakil Uma Juman | | |
| 15. | Wakil Umah Ukit | | |

LAMPIRAN 1(4)

KRONOLOGI PEMBINAAN EMPANGAN HIDROELEKTRIK BAKUN

- | | |
|------------|---|
| 1960 | Survei untuk potensi hidro dilakukan oleh <i>Snowy Mountains Hydroelektrik Authority of Australia</i> di bawah <i>Colombo Aid Programme</i> |
| 1997 | Bakun dikenalpasti oleh <i>Sarawak Electricity Supply Corporation (SESCO)</i> sebagai berpotensi |
| 1981 | Bakun dikaji |
| 1985 | Pembinaan ditangguhkan sebab kegawatan ekonomi |
| Sept. 1993 | Kabinet bersetuju meluluskan pembinaan di mana 2,400 megawatt elektrik dapat disalurkan ke Semenanjung Malaysia menerusi kabel bawah laut |
| Jan. 1994 | Projek diserahkan kepada <i>Bakun Hydroelektrik Corporation (BHC)</i> |
| 1995/96 | <i>Environmental Impact Assessment (EIA)</i> telah disediakan oleh konsortium yang diketuai oleh Universiti Malaysia Sarawak yang diluluskan oleh <i>Natural Resources & Environment Board (NREB)</i> |
| 5 Mac 1996 | Kontrak <i>River Diversion Works (RDW)</i> telah ditandatangani antara BHC dan <i>Dong Ah Construction Industrial Co. Ltd (DACI)</i> |
| Sept. 1997 | Pembinaan tertangguh disebabkan kegawatan ekonomi |
| Nov. 1997 | Kementerian Kewangan mengambil alih projek dari BHC |
| Nov. 1999 | <i>Sumber Hydro Management Sdn Bhd (SHM)</i> menyediakan tenaga jurutera pengurusan projek untuk Kontrak RDW |
| Mei 2000 | Tandatangan kontrak RDW antara (<i>Bakun Hidroelektrik Sdn.Bhd</i>) BHSB dan DACI |
| Okt. 2000 | BHSB bertukar nama kepada <i>Sarawak Hidro Sdn Bhd (SHSB)</i> |
| Feb. 2001 | Kabinet mrujuk semula pembinaan diteruskan. |

LAMPIRAN 2

LAMPIRAN 2

SENARAI PESERTA YANG HADIR SEMASA MAJLIS DIALOG BERSAMA SUHAKAM PADA 13 DISEMBER 2001

Bil.	Nama	JAWATAN / AGENSI / JABATAN
